



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEDUA BELAS**

Pada

PADA 13 OGOS 2012

bersamaan

24 RAMADAN 1433

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 13 OGOS 2012

bersamaan

24 RAMADAN 1433

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

ISNIN, 13 OGOS 2012

1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	6
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	7
	(ii) Soalan-soalan Lisan	8
6.	Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Usul Tambahan Peruntukan Yang Pertama 2012.	37

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
7.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Mineral (Terengganu) (Pindaan) 2012.	41
	(ii) Enakmen Perbekalan Tambahan 2012.	44
8.	Tungguhan	68
9.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	69

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, SMZ.,AMT.,AMN.,PJK.

WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.

WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.

WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawī bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan sidang Pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, mari kita panjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya dapatlah sekali lagi pada pagi ini, insyaAllah satu hari kita akan bersidang pada Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Kali Kedua, Penggal Persidangan Kali Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman Yang Kedua Belas kali ini. Mengambil kesempatan pada pagi ini di atas bagi pihak urus setia Dewan mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan kebetulan Persidangan kita pada hari ini berada dalam bulan Ramadhan al-Mubarak, bulan yang penuh kemuliaan. Saya mengucapkan selamat menjalankan ibadat puasa dan InsyaAllah Persidangan kita bertambah berkat keranaNya. Mudah-mudahan tidak ada yang tidak ingat bahawa kita berada dalam bulan puasa dan sebagaimana peraturan sidang yang kita semua tahu insyaAllah akan dipatuhi dengan terbaik, insyaAllah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan kita pada kali ini dimulai dengan Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan, pihak Dewan juga menerima 59 soalan pada keseluruhannya, 33 soalan dalam bentuk Bertulis dan 26 soalan dalam bentuk Lisan. InsyaAllah kita juga mempunyai satu Usul, dua Enakmen dan kita jangka ada perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya harap dapat kita kawal masa kerana Persidangan kita hanya sehari dan insyaAllah saya akan beri peluang dan kita jangka tamat pada hujung hari ini. Ahli Yang Berhormat sekalian mudah-mudahan kita semua dapat memainkan peranan dan memberi input yang paling berguna kepada Persidangan kita pada kali ini dan saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang dan saya ucapkan Selamat Bersidang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan adalah:-

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan
Pertama 2012.

(D.U.N. Bil.1/2012)

2. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan
Pertama 2012.

(D.U.N. Bil.2/2012)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS [LAMPIRAN]

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebanyak 11 Ahli-ahli yang telah mengemukakan soalan-soalan dan jawapannya telah dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing.

1. Y.B. Haji Nawī Bin Mohamad
(Wakil Hulu Besut)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)
4. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
6. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail
(Wakil Kuala Berang)
7. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
8. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Kota Putera)
9. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
(Wakil Sura)
10. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
11. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Sekarang kita pergi kepada Soalan Lisan. Pertama kita menjemput Yang Berhormat Alur Limbat. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Sila nyatakan statistik kemalangan jalan raya termasuk kemalangan maut yang berlaku di atas LPT 2, laluan Ajil-Bukit Besi sejak dari mula dibuka hingga sekarang. Siapakah pihak yang bertanggungjawab menjaga dan menyelenggara jalan raya di laluan tersebut?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan seterusnya Pemerhati yang dihormati sekalian.

Soalan pertama dari Alur Limbat ingin bertanya tentang statistik kemalangan jalan raya termasuk kemalangan maut yang berlaku di atas LPT 2 laluan Ajil-Bukit Besi sejak dari mula dibuka hingga sekarang. Dan seterusnya siapakah pihak yang bertanggungjawab menjaga dan menyelenggara jalan raya di laluan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebahagian Lebuhraya 2 (LPT 2) laluan Ajil-Bukit Besi ini telah dibuka kepada trafik sejak 22 Ogos 2011 dan setakat ini statistik kemalangan:

- Kemalangan maut – 5 kes
- Kemalangan cedera parah – 2 kes
- Kemalangan cedera ringan – 4 kes
- Kemalangan rosak – 123 kes
- Jumlah keseluruhan – 134 kes**

Untuk makluman dari aspek penjagaan dan penyelenggaraan jalan laluan yang tersebut pihak MTD Capital selaku kontraktor bagi Pakej 10 ini masih bertanggungjawab ke atas kecacatan untuk tempoh dua tahun dari mula ia dibuka sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan sehingga 21 Ogos 2013 dan mereka juga bertanggungjawab dalam kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti pemotongan rumput, kerja pembersihan longkang dan kutip sampah. Dan bagi kerosakan aset lebu raya yang timbul akibat daripada kemalangan, kecurian ataupun vandalisme dengan izin, kerja-kerja pembaikannya adalah di bawah tanggungan pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah faktor penyebab kepada berlakunya kemalangan di atas Lebu Raya Pantai Timur 2 tersebut, maksud saya di laluan tersebut sebab berdasarkan kepada yang saya pernah buat kajian di antara Kilometer 380 hingga 387 saya dapati kawasan yang berpagar telah dirosakkan lebih daripada sepuluh kawasan telah dirosakkan dan pada masa yang sama jugak, saya tak pasti sama ada MTD Capital ni ada menternak lembu dalam kawasan lebu raya sebab semasa saya pergi meninjau kawasan tersebut sehari selepas saya sendiri terlibat dalam kemalangan jalan raya di atas lebu raya itu di kawasan 387.7, Kilometer Ajil ke Kuala Berang. Saya dapati banyak lembu berkeliaran dalam kawasan lebu raya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memang pihak Kerajaan ataupun dalam kes laluan ini, LLM telah melantik Peronda Lebu Raya yang berkhidmat 24 jam dan antara tugas Peronda Lebu Raya ini ialah memantau keadaan trafik di lebu raya dan tugas lain termasuk memastikan operasi dan keadaan trafik di lebu raya sentiasa berjalan lancar, juga memastikan tiada haiwan ternakan seperti lembu dan lain-lain berada di dalam rezab lebu raya. Tugas ini memastikan tiada haiwan ternakan, yang menternak kalau kata ada, pandangan kata LLM juga MTD menternak lembu tak betul juga. Dan Peronda Lebu Raya ini juga kena melaporkan sebarang kerosakan aset di lebu raya akibat kemalangan untuk diambil tindakan dan melaksanakan pengurusan trafik apabila berlaku kemalangan bagi mengelakkan kemalangan kedua di lokasi yang sama dan

juga membantu pemandu yang di dalam kecemasan untuk mendapatkan bantuan lanjut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Alur Limbat kerana membuat kajian tapi kalau kajian yang dibuat oleh pihak LLM, bagi kemalangan yang berlaku di LPT kawasan Ajil ke Bukit Besi ini, kajiannya mendapati sikap dan kecuaiannya pemandu antara sebabnya yang berlaku kemalangan keadaan cuaca dan memandu melebihi had laju. Antara sebab berlakunya kemalangan dan setakat ini tiada masalah dari segi *design* ataupun reka bentuk jalan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Yang Berhormat? Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya berhubung dengan kes jalan LPT 2 ini walaupun telah dibuka dan digunakan, ada beberapa tempat dia agak beralun dia tak berapa stabil kerana saya duk lalu tu. Jadi adakah ini dalam makluman pihak kontraktor kerana masih bawah seliaan mereka. Cuma saya nak tambah sikitnya berhubung LPT ini juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga 1 Mac 2012, kemajuan fizikal keseluruhan projek ini dah siap 77.5% dan kos pada tarikh tersebut, keseluruhan kosnya adalah RM4.25 bilion. Daripada RM1.8 bilion, naik RM3.8 bilion, sekarang dah naik RM4.25 bilion. Jadi saya nak tanya Kerajaan Negeri kerana 50% kos itu ditanggung oleh Kerajaan Negeri, jadi berapa yang telah Kerajaan Negeri keluar kewangan bagi membiayai pembinaan lebuhraya ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebut tadi kepada soalan asal. Tanggungjawab kontraktor atas kecacatan ini dalam tempoh dua tahun bermula tarikh yang dibuka tadi sehingga tempoh tanggungan kecacatan yang akan tamat pada 21 Ogos 2013. Jadi kalau kata ada kerosakan, ada ketidakpuasan dalam tempoh itu terhasil daripada kecacatan menjadi tanggungjawab kontraktor yang berkenaan. Saya menjawab soalan asal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi tambahan? Terima kasih Yang Berhormat, kalau tidak ada kita terus kepada Yang Berhormat Manir, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan pertama -

Apakah Kerajaan Negeri masih berhutang dengan Kerajaan Pusat? Jika masih berhutang, berapakah jumlahnya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri yang saya hormati sekalian, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Bagi menjawab soalan ini, ya, Kerajaan Negeri masih berhutang dengan Kerajaan Pusat. Jumlah hutang sehingga 31.12.2011 adalah sebanyak RM1,005,885,045.33. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kenapa Kerajaan Negeri terpaksa berhutang dengan Kerajaan Persekutuan? Apakah hasil royalti petroleum dan gas itu bagi Negeri Terengganu masih tidak diberi ataupun masih tidak mencukupi bagi menanggung perbelanjaan yang diperlukan oleh Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang benar pendapatan Kerajaan Negeri masih belum mencukupi untuk membiayai projek-projek pembangunan keseluruhan Negeri Terengganu. Dan ketika suatu ketika dahulu ada tiga kategori pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri terutama Negeri Terengganu, pertama, pinjaman untuk kawasan perindustrian. Kedua, pinjaman dibuat untuk membina Rumah Kos Rendah. Yang ketiga, pinjaman juga dibuat untuk Bekalan Air Negeri. Dan untuk pengetahuan di Dewan yang mulia ini dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Manir, semenjak 4 tahun, hampir 5 tahun yang lalu Kerajaan Negeri tidak pernah membuat pinjaman untuk mewujudkan kawasan perindustrian. Dan yang kedua, pinjaman tidak lagi dibuat untuk

membina Rumah-rumah Kos Rendah dan Mampu Milik tetapi Kerajaan masih membuat pinjaman untuk Bekalan Air Negeri Terengganu. Untuk pengetahuan, Kerajaan Negeri telah membelanjakan lebih dari RM700 juta setakat ini untuk membina Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik dalam tempoh 4 tahun tanpa meminjam satu sen pun daripada Kerajaan Negeri dan kita akui masih lagi meminjam untuk bekalan air. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Manir, sehingga kini hutang kita melibatkan bekalan air sahaja sebanyak RM708,385,103.38. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pinjaman daripada Kerajaan Pusat tadi, pembetulan ya, Yang Amat Berhormat. Ya, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir ada lagi? Ada, lepas inilah Manir. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pinjaman Kerajaan Negeri untuk kawasan industri, untuk Projek Bekalan Air dan Kos Rendah, industri dah tak mintak pinjaman dah, Rumah Kos Rendah pun tak mintak dah. Tapi untuk Projek Bekalan Air, lepas ini Kerajaan Pusat saya difahamkan disebut dalam Parlimen pun tidak akan memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Hanya akan beri melalui apabila dimigrasikan syarikat-syarikat korporat di peringkat negeri masing-masing dalam menguruskan bekalan air akan diberi pinjaman melalui Perbadanan Aset Air Berhad. Jadi saya nak tanya bila proses migrasi ini akan berlaku, dan yang keduanya ikut Laporan Audit tahun lepas, Negeri Selangor tak ada royalti petroleum tapi *reserve* dia ada RM2 bilion lebih, itu Laporan Audit. Terengganu *yilek*, kosong. Jadi saya nak tahu kot lepas daripada Laporan Audit lepas sehingga sekarang ada tak *reserve* untuk Kerajaan Negeri Terengganu dari segi kedudukan kewangan? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, 'sudah terang lagi bersuluh' Wakil Wakaf Mempelam nak main politik Dato' Yang Dipertua. Semasa BN memerintah Selangor Menteri Besar ketika itu meninggalkan jawatannya dengan simpanan tetap sebanyak RM3 bilion di Selangor. Bukan

dibuat oleh Kerajaan PKR yang baru memerintah 4 tahun Dato' Yang Dipertua. Dan kita sedar hutang air ini kita sedang peringkat rundingan dengan pihak Perbadanan Aset Bekalan Air Negara. Dan kita sedang buat perincian kerana kita bukan sebagai setengah negeri iaitu hutang mereka mengatasi aset bekalan air masing-masing. Kita hutang saya sebutkan tadi RM700 juta, RM800 juta tapi aset Bekalan Air Terengganu (SATU) hampir RM2 bilion. Sebab itu kita masih dalam peringkat rundingan dan kita akan melakukan penyerahan ini setelah semua hutang-hutang ini dilupuskan dan ada perkara-perkara lain yang kita pohon. Sebab itu ada beberapa negeri lagi yang masih belum menyelesaikannya termasuk juga Pulau Pinang yang mempunyai hutang hampir RM2 bilion dengan Kerajaan Pusat dilupuskan setelah migrasi dibuat. Jadi kita juga akan ikut perkara yang sama tapi ada benda-benda lain lagi yang perlu kita rundingkan kerana saya katakan tadi bahawa salah satu negeri yang punyai aset melebihi hutang adalah SATU Negeri Terengganu. Yang kedua, disebutkan juga tadi cuba bermain politik bahawa Selangor tak ada minyak tapi ada simpanan tetap yang besar. Selangor negeri yang kaya Dato' Yang Dipertua, air saja berapa ratus juta dia dapat, cukai tanah berapa harga dia satu meter. Kita cukai tanah RM10, dia beratus ringgit, kita RM2 pun ada tak pernah naik. PBT dia, semua PBT Selangor mendapat hasil beratus juta, Ampang, Klang, Shah Alam. Di Terengganu, Majlis Daerah Setiu cukai pintu hasilnya RM70,000 setahun. Kita terpaksa bayar gaji semua PBT kita kecuali Kemaman. Kita terpaksa beri peruntukan untuk pengurusan, untuk pembangunan. Jadi tak boleh nak samakan dengan Selangor Dato' Yang Dipertua. Inilah harapan saya supaya kita berlaku adil kepada negeri dengan melihat prospek pembangunan, kemajuan yang kita lakukan, termasuk saya sebutkan tadi sekarang ini dalam tempoh 4 tahun lebih dari RM700 juta kita belanjakan untuk membina lebih daripada 8,000 unit lot rumah kepada rakyat Terengganu. Dan insyaAllah dijangkakan 10,000 dapat dibina menjelang akhir tahun depan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan. Bilakah mengikut kajian Kerajaan Negeri bahawa Negeri Terengganu dapat menyara hidupnya sendiri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, istilah menyara diri bagi Kerajaan ni payah sikitlah, kalau menyara diri sendiri

senang. Ianya bergantung kepada pendapatan dan perbelanjaan serta pembangunan yang hendak kita laksanakan, ianya bersifat relatif. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput seterusnya wakil daripada Jab. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor satu -

Tahniah dan syabas Pasukan SUKMA 2012 Negeri Terengganu yang menjuarai 4 tahun berturut-turut. Apakah ramuan kejayaan Pasukan SUKMA tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Soalan yang pertama iaitu ingin mengetahui berkaitan dengan ramuan kejayaan Pasukan SUKMA 4 tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kejayaan Pasukan SUKMA Negeri Terengganu yang menjuarai 4 tahun berturut-turut ini adalah hasil daripada komitmen semua pihak serta sokongan yang sangat kuat oleh Kerajaan Negeri yang meletakkan Pembangunan Sukan Negeri Terengganu sama penting dengan pembangunan-pembangunan sektor yang lain seperti pendidikan pelajaran, pelancongan, kesihatan, dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, kita rasa berbangga atas kejayaan SUKMA dan salah seorang daripada pelumba basikal kita sampai ke Olimpik, Azizul Hasni Awang. Tahniah kepada Kerajaan Negeri dan anak Negeri Terengganu. Cuma kalau dilihat

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih daripada seorang Yang Berhormat, lebih daripada seorang.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Lebih daripada seorang, silap saya. Cuma saya nak dapat penjelasan daripada pihak Kerajaan, rata-rata pelumba kita yang lelaki dan perempuan saiznya kecil kalau dibanding dengan saiz orang Eropah. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk "mengkacukkan" generasi(Dewan gelak)... Untuk mengkacukkan generasi Terengganu kita ni dengan bakat-bakat ataupun pelumba-pelumba luar supaya kita mempunyai atlet yang saiznya boleh dibanggakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam Jabi, ada kacukan juga. Sila, Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk melahirkan atlet-atlet yang bertaraf peringkat antarabangsa banyak lagi kaedah-kaedah lain yang kita laksanakan. Cuma sebagaimana saranan Yang Berhormat Jabi, kita tidak bercadang lagilah nak kacuk tu setakat ini. Cuma melalui kaedah-kaedah lainlah mengenai kaedah pemakanan, kaedah latihan, strategi dan juga komitmen yang diberikan oleh semua pihak yang kita laksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, ke Y.B. Wakaf Mempelam bangun dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Satu lagi saya pohon penjelasan, sukan kita ini apakah sukan kita sama ada di bidang SUKMA dan sebagainya, boleh pihak Kerajaan Negeri memberi penjelasan sukan boleh memupukkan semangat perpaduan dan kerjasama antara kaum.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itulah pendekatan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan. Sebenarnya kita tidak mahu melihat sukan ini semata-mata untuk riadah, bahkan sukan ini ianya mempunyai skop yang sangat luas, antaranya adalah sukan ini boleh menjanakan pendapatan, sukan juga boleh menjanakan ekonomi kepada Kerajaan, sukan juga lebih membawa erti yang besar kepada dalam konteks memupukkan perpaduan di kalangan kaum, dan juga memupukkan perpaduan di kalangan kita sendiri. Ini jelas melalui sukan dan juga melalui kesukanan ini yang kita lihat dalam sukan ini tiada membabitkan dalam

soal-soal perkauman. Dalam sukan juga boleh menghindarkan kita dalam soal-soal fahaman dari segi politik, dalam sukan juga kita boleh menghindarkan pemahaman dan juga sikap kita dari segi batasan budaya, agama, politik dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas penjelasan Kerajaan Negeri. Kalau begitu pada pandangan saya, maknanya pihak di sebelah sana orang-orang PAS dengan UMNO ni kena bersukan baru boleh berpadu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bukan sekadar bersukanlah saya nak komen tapi insyaAllah sehari dua ini semakin ramailah pemimpin-pemimpin UMNO nak masuk

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):(Dewan gelak)... Soalan saya Yang Berhormat berhubung dengan SUKMA ini, yang pertama, saya nak ucap tahniahlah kepada pasukan negeri yang telah berjaya, alhamdulillah untuk 4 tahun berturut-turut. Yang keduanya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kepada Kerajaan Negeri tak ada Yang Berhormat? Yang Berhormat sebut pasukan sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tahniah kepada semualah, atletnya, semua sekalilah. Terima kasih atas peringatan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang keduanya, bila saya Yang Amat Berhormat menyebut tentang nak memajukan sukan ragbi, saya perhatikan agak kurang rasionallah buat masa ini kerana saiz orang kita ni bukan macam saiz Jabi. Jadi ragbi ni peringkat antarabangsa ni dokrok nak lawan ni, dokrok nak lawan saiz kita ni. Saiz Tepoh tu *out* terus(Dewan gelak).... Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau boleh peruntukan diberikan untuk memajukan sukan-sukan yang kurang *body contact*. Macam kita dah majukan *cycling*, lumba basikal, badminton dan benda-benda yang kita rasa kita ada

kemampuan untuk kita terus maju dalam bidang sukan, bukan ragbi buat masa ini. Dan seterusnya saya nak tanya, berapa peruntukan Kerajaan belanja untuk SUKMA baru-baru ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan kepada Wakil Wakaf Mempelam. Berkaitan dengan apa yang dimaksudkan mengatakan bahawa langkah untuk mewujudkan Akademi Ragbi itu tidak sesuai itu mungkin pandangan Yang Berhormat sahaja tidak sesuai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya walau pun saiz kecil orang-orang Malaysia pada hari ini sebenarnya kalau diberi peluang boleh belaka, dan setakat hari ini sebenarnya kita telah menjuarai Sekolah-sekolah Asia dan 4 orang anak Terengganu mewakili pasukan kebangsaan. Apa masalah dan kita jangka bermula pada tahun 2016 *Olympic Game* akan bermain sukan ragbi juga akan dimulakan. Dan pada saya juga, perbelanjaan untuk sukan SUKMA pada tahun ini Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak RM6 juta lebih kurang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput untuk soalan daripada Y.B. Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebelum tu kalau kita tengok nak berlawan dengan Wakaf Mempelam bolehlah, lawan ambil bola tak apa dah....(Dewan Gelak).... Okey, soalan saya yang pertama Dato' Yang Dipertua –

Kebelakangan ini seringkali berlakunya gangguan bekalan air seperti paip air bocor, tekanan air rendah dan seumpamanya. Apakah sebab-sebab berlakunya perkara tersebut?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati. Soalan Wakil Tepoh ini soalan berbunyi: Kebelakangan ini sering kali berlakunya gangguan bekalan air seperti paip air bocor, tekanan air rendah dan seumpamanya. Dan juga bertanya tentang sebab berlakunya perkara tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada beberapa sebab berlaku gangguan bekalan air seperti paip bocor, tekanan air rendah dan seumpamanya. Dan antara sebabnya, pertamanya, hampir 60% daripada paip air di Negeri Terengganu adalah jenis paip dengan izin *Unplasticized Polyvinyl Chloride* (UPVC) dan *Asbestos Cement* (AC) di mana paip UPVC merangkumi 40% daripada paip yang ada di Negeri Terengganu dan paip AC sebanyak 20% daripada jumlah panjang paip di Negeri Terengganu. Dan paip-paip ini Dato' Yang Dipertua, telah berusia lebih daripada 20 tahun dan telah tamat jangka hayatnya, satu sebab. Yang kedua Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana juga kepadatan penduduk dan permintaan air semakin bertambah, tapi tadinya saiz paip tidak ditukar sesuai dengan pertambahan bilangan penduduk dan permintaan pengguna dan ini menyebabkan paip-paip yang digunakan untuk bekalan kepada pengguna berada di bawah kapasiti dan akan menimbulkan masalah tekanan air yang rendah di kawasan-kawasan berkenaan.

Dan bagi mengurangkan masalah paip pecah atau bocor, memang pihak SATU boleh mengambil tindakan mengawal tekanan air, maknanya pihak SATU mengurangkan tekanan air tapi tindakan ini akan menyebabkan pengguna akan menghadapi masalah tekanan air yang rendah khususnya pengguna-pengguna yang berada di penghujung perkhidmatan paip. Memangpun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dengan usaha kita untuk memberi kemudahan paip ini pada sesetengah kampung paip panjang pengguna tak berapa ramai. Jadi kalau kita nak kawal kebocoran dan sebagainya kita boleh mengurangkan tekanan, tetapi pengguna yang terpencil itu akan tidak dapat bekalan air. Dan oleh sebab itulah mungkin paip pecah bocor ini dan tekanan rendah ini saling berkaitan di antara kawasan-kawasan yang tertentu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas beberapa sebab yang menjadi jawapan kepada soalan saya. Satu perkara saya tidak tahu sama ada pihak Kerajaan sedar ataupun tidak khususnya di sebelah utara, saya katakan di sebelah Kuala Nerus. Antaranya adalah pada 1hb. Jun 2012, hari Jumaat, kebanyakannya apa yang kita lihat pada meter paip air pada setiap rumah tak sampai pun 1 bar sekitar 0.1, 0.2 bar menyebabkan air tidak dapat disalurkan ke rumah. Jadi kalau begitu saya melihat suatu kepadatan penduduk berlaku di kawasan Kuala Nerus Utara dengan melibatkan kewujudan lebih banyak penempatan hasil wujudnya universiti-universiti di sana dan hal-hal yang lain seperti industri dan sebagainya.

Apakah sebenarnya perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan supaya perkara ini dapat diselesaikan lebih awal sebelum perkara ini menjadi perkara yang agak rumit di masa yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas keprihatinan Y.B. Tepoh. Dari teknikal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dengan izin, sebut pasal beberapa bar apa semua tu, purata bekalan air tekanan dia adalah lebih kurang dalam 7, 8 bar. Jadi 1 bar itu memang rendahlah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memangpun menjadi dalam makluman Kerajaan tentang hasil kepadatan dan pertambahan penduduk terutama sekali di Kuala Terengganu Utara. Dan kita sedang memberi perhatian kepada masalah yang ada di Kuala Terengganu Utara dan peruntukan yang bersesuaian telah pun disediakan termasuk hari ini apabila sistem penambahbaikan di Setiu telahpun siap dan sekarang ini kita sedang menyalur balik ke pihak sebelah Kuala Terengganu Utara dari segi penambahan dan kelebihan bekalan yang ada di Setiu. Ini sedang dibuat kosnya hampir RM6 juta dan projek ini sebahagian besarnya akan membantu masalah yang berada di sebelah Kuala Terengganu Utara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan. Saya terbaca dalam Sinar Kelantan baru-baru ini, betul atau tidak Kerajaan Kelantan memohon untuk membeli air Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang ada ura-ura kerana Kelantan rupanya teruk pada kita dari segi air ini. Itu umum semua orang sedia maklumlah. Dan macam tadilah saya sebut tentang sistem yang kata telah dibuat penambahbaikan di sebelah Kuala Terengganu Utara yang memungkinkan untuk kita berbincang dengan Kelantan tentang keperluan air tapi itulah kita insyaAllah akan memberi keutamaan kepada masalah di Kuala Terengganu Utara dulu, di negeri kitalah dulu sebelum kita bercakap atau melayani hasrat Kelantan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya berikutnya. Ni kita tak mahu cara Kelantanlah, Kelantan tu air merah do'oh, kita molek cuma hala-hala ke hak banyak rumah ni dok berapa ada air sikit.

Dato' Yang Dipertua, saya jugak terus nak merujuk kepada kawasan Kuala Terengganu Utara kalau tidak silap saya dalam sidang Dewan sebelum inilah, saya lupa yang bila, pernah disebutkan oleh pihak Kerajaan Negeri adanya cadangan untuk membina satu loji baru, loji air baru yang sekarang ini ada di sebelah sini iaitu di Kepong. Dan cadangannya nak dibina di sebelah Kuala Terengganu Utara, bagaimana status cadangan tersebut? Dan seterusnya saya nak minta pandangan dan jaminan Kerajaan dalam tempoh nak menyambut perayaan nanti, Hari Raya Aidilfitri termasuk jugak musim tu musim orang makan gulai banyak, raya kedua, ketiga orang bernikah-kahwin dah. Ringkas kata dalam istilah ni orang berlaga pusat dah(Dewan gelak)... Bagaimana sebenarnya jaminan Kerajaan untuk memastikan masalah gangguan bekalan air ini tidak berlaku. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang pun kita sedang mengambil tindakan sebagaimana saya sebut jangka pendek dan jangka panjang termasuk menyediakan keperluan menyediakan loji untuk memenuhi tuntutan bekalan air di Kuala Terengganu Utara. Dan tadinya saya sebut dengan siapnya penambahbaikan sistem di Setiu dan kita ada lebih air di Setiu. Mungkin kita akan juga mengkaji selepas kata disalur balik air ini daripada lebih di Setiu terus mari ke kawasan Gong Badak dan sebagainya. Dan itu mungkin akan membantu kitalah dari segi kajian keperluan-keperluan loji yang kita cadangkan di peringkat awal. Dan tentang sambutan hari raya, majlis perkahwinan, itu dalam makluman kita akan ada keperluan air yang tentunya kalau kata terputus dan sebagainya akan memberi kesan yang besar kepada majlis dan keselesaan sehari raya. InsyaAllah kita akan memberi perhatian, pihak yang berwajib SATU dalam hal ni akan memberi perhatian dan tumpuan dan kita ada pengalaman-pengalaman kitalah yang lepas dalam masalah yang sama. Dan kita harap dengan tumpuan yang kita beri, peringatan yang diberi insyaAllah kita akan dapat membantu kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku di sebelah Kuala Terengganu Utara. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, ya. Saya jemput Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama –

Sila nyatakan usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kebanjiran musuh-musuh tanaman yang berlaku semenjak akhir-akhir ini?

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Berhormat, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, terima kasih banyak kepada Kuala Berang atas pertanyaan yang dikemukakan berhubung dengan kebanjiran musuh-musuh tanaman yang berlaku di akhir-akhir ini. Dato' Yang Dipertua, istilah musuh tanaman ini sebenarnya terlalu umum kerana dia boleh melibatkan sekecil-kecil serangga sehinggalah kepada sebesar-besar haiwan seperti gajah dan sebagainya dan yang menjadi musuh itu juga bergantung kepada tempat dan masa. Walau bagaimana pun, untuk tujuan menjawab persoalan ini saya mengambil pendekatan bahawa gajah dan babi hutan yang menjadi ancaman besar kepada tanaman ladang yang berlaku di Negeri Terengganu. Di mana nilai kerosakan yang agak besar terutamanya kepada ladang-ladang sawit dan getah. Pada tahun 2011, nilai kerosakannya yang direkodkan hampir RM1 juta iaitu RM904,200.00 manakala sehingga kini, sehingga Jun 2012 anggaran nilai kerosakannya sudah mencapai RM110,000.00.

Untuk mengatasi masalah ini, kita ada beberapa pendekatan yang utamanya kita menggunakan pagar elektrik di mana kita sudahpun berbelanja sebanyak RM770,000 untuk membina pagar elektrik sepanjang 15.5 kilometer di antara FELCRA Bukit Embun hingga ke Kampung Kemat di Sekayu. Yang keduanya, melalui tangkapan dan pindah gajah yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN dan kita harap apabila selesainya projek pembinaan Santuari Gajah yang akan dibina sedikit masa lagi itu menjadi langkah besar kita menyelamatkan tanaman kita daripada serangan gajah.

Manakala untuk mengawal babi hutan, babi liar kita, menggunakan Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010, di mana usaha untuk memburu babi hutan ini diberi kebenaran oleh Jabatan PERHILITAN yang membenarkan kerja-kerja pemburuan babi hutan ini di antara pukul 6.30 pagi hingga 7.30 malam. Jadi usaha nak memburu babi hutan memang dibenarkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak fokuslah kepada daerah sayalah, Daerah Hulu Terengganu. Jadi saya nak beritahu di sini tentang data maklumat yang saya perolehi dari Jabatan PERHILITAN berkaitan dengan serangan musuh tanaman di Hulu Terengganu sejak tahun 2011 hingga tahun 2012 inilah lebih kurang setahun setengah. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua:-

- Serangan gajah – 52 kes
- Serangan kera – 106 kes
- Serangan babi hutan – 13 kes
- Lain-lain – 31 kes
(termasuk beruang, kelawar, serigala, taper, tikus, tupai dan sebagainya) yang dilaporkan.

Ini sebagai contohlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini gambaran menunjukkan kepada kita bahawa tahap serangan musuh tanaman ini amat serius bagi petani-petani kita di Hulu Terengganu, ini tidak termasuk lagi kepada serangan ataupun masalah yang berkaitan dengan kecurian yang dilakukan oleh manusia. Ini dibimbangi dengan angka tersebut dan dengan kejadian yang berlaku ini dibimbangi pada masa hadapan akan melemahkan semangat petani-petani kita untuk mereka mengusahakan tanaman. Bila mereka merasai keadaan ini berlaku menyebabkan akan berlakunya tanah terbiar semakin banyak dan mereka tidak mengusahakan tanaman. Ini akan memberi masalah nanti kepada generasi akan datang. Jadi saya nak tahulah kalau keadaan ini berlaku apakah yang Kerajaan fikirkan galakan-galakan yang akan diadakan mulai sekarang supaya petani-petani kita akan tidak lemah semangatlah bila berlaku tanaman kelapa sawit dimusnahkan oleh gajah, tanam getah dimusnahkan oleh babi. Inilah yang kita lihat hari ini

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat dia faham tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang):
Maksud saya ialah apakah galakan yang dibuat oleh Kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya sebut tadi musuh tanaman memang banyak, memang berbagai-bagai jenis musuhlah sehinggakan mungkin juga manusia juga boleh kita anggapkan sebagai dalam hal tanaman ini boleh kita katakan sebagai musuh tapi musimnya ialah musim berbuah, musim menanam mungkin tidak menjadi masalah. Jadi untuk nak mengatasi keseluruhan masalah ini perlu kepada perancangan yang betul dan agak sukar kerana kepada kita tupai menjadi musuh kepada durian, tapi kepada tupai, durian itu ialah makanan dia. Jadi benda-benda macam itu menjadi masalah kepada kita, kita nak musnahkan keseluruhannya memang ada akta yang melindungi semua hidupan liar. Walau bagaimana pun, sebagai langkah untuk memastikan tanaman kita selamat, Jabatan Pertanian khususnya mengambil langkah-langkah pencegahan awal di mana memberi bimbingan dan nasihat kepada pekebun-pekebun untuk memastikan kebun mereka tidak menjadi perumah kepada musuh-musuh tanaman. Kebun mesti bersih diurus dengan sempurna supaya babi tidak berlindung dalam semak-samun di kebun ataupun di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kebun. Jadi itu secara umumnya dan sebagai insentif ataupun bantuan kepada pekebun-pekebun memang ada bantuan-bantuan yang disediakan walaupun tidak dapat memenuhi keseluruhan kerugian yang ditanggung oleh peserta sekiranya gajah menyerang kelapa sawit ada juga bantuan-bantuan yang disediakan oleh jabatan untuk memastikan mereka dapat mengganti semula tanaman mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan mengenai serangan Siput Gondang Mas kepada petani-petani yang menanam padi khususnya, dan yang kedua sejauh mana langkah yang diambil kepada serangan kumbang kelapa yang rata-rata menjadi ancamanlah kepada penanam-penanam kelapa?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua Dewan, memang bagi penanam padi Siput Gondang Mas menjadi ancaman yang agak besar dan langkah sudah diambil oleh Jabatan Pertanian di mana kita mengawal jentera, sama ada jentera pembajak atau pun jentera penuai yang menjadi pembawa kepada benih Siput Gondang Mas ini. Kita

mempastikan jentera ini dibersihkan dulu sebelum memulakan kerja sebab melalui jentera inilah dia merebaknya Siput-siput Gondang Mas ini. Kumbang Jalur Merah yang menyebabkan matinya kelapa ini cukup membimbangkan kita kerana ada tanda-tanda Kumbang Jalur Merah ini sudah mulai masuk dalam ladang-ladang kelapa sawit, itu yang membimbangkan kita. Dan langkah awal yang kita ambil ialah dengan membekalkan perangkap *feromon* kepada semua jabatan-jabatan pertanian untuk memerangkap Kumbang Jalur Merah ini. Setakat ini itulah langkah yang dapat kita laksanakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang):
Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Okey, saya jemput Wakil Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 –

Bilakah Kerajaan akan mengeluarkan tender untuk pembinaan semula Stadium Sultan Mizan yang sebahagiannya telah runtuh?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati. Wakil Ladang soalnya berbunyi: Bilakah Kerajaan akan mengeluarkan tender untuk pembinaan semula Stadium Sultan Mizan yang sebahagiannya telah runtuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kajian keseluruhan bagi pembaikan stadium ini telah pun disiapkan dan kerja-kerja pembaikan akan dijalankan secara berperingkat bermula dengan peringkat pertama dalam masa yang terdekat yang sebahagiannya pembaikan skop kerja bagi peringkat pertama, kerja-kerja pembaikan struktur yang rosak itu hasil daripada kajian integriti yang telah dibuat. Pembaikan struktur rosak ni termasuklah kerja-kerja rasuk, lantai dan sebagainya. Seterusnya untuk menguatkan struktur dan kerja-kerja *waterproofing* struktur

dengan izin, dan seterusnya ada kerja-kerja luar dan ada kerja elektrik sementara dan kerja-kerja mekanikal yang akan didahulukan dari segi keseluruhan pembaikan stadium ini. Dan kita jangkakan kerja-kerja ini dapat dimulakan selepas insyaAllah hari raya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Agak-agaknya berapakah peruntukan yang dianggarkan untuk seluruh pembaikan ini dan bilakah agaknya tempoh, berapa panjangkah tempoh yang diambil untuk pembinaan ini. Dan juga apakah tender tadi termasuk pembelian barang-barang ataupun alat-alat yang dikatakan hilang baru-baru ini, apakah akan diganti atau ditender semula dan apakah ini akan di tender secara terbuka?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita hanya akan tahu kos yang sebenar setelah tender ini secara berperingkat sehinggalah siap dapat ditentukan dan yang saya sebut tadi peringkat awal yang dalam masa terdekat akan dimulakan ini kita telah menyediakan peruntukan hampir RM14 juta untuk kerja-kerja pembaikan awal fasal yang saya sebut tadi dan akhirnya juga maknanya reka bentuk akhir bumbung akan ditentukan dan memangpun kalau kata dari cadangan dan laporan integriti yang telah dibuat memangpun dicadangkan ataupun diberi saranan supaya bumbung akhirnya dari segi reka bentuknya tidak lagi akan membebankan struktur asal dan kerja-kerja yang secara keseluruhannya ialah pembaikan struktur rosak, menguatkan struktur, *waterproofing*, *plumbing*, tempat duduk, padang bola, *royal box*, kawasan tiket dan *booth* elektrik, mekanikal dan akhirnya bumbung.

Yang ini ikut anggaran awal keseluruhannya kalau tadi peringkat kata duit yang telah disediakan untuk kerja-kerja itu ialah RM14 juta. Keseluruhan anggaran kos pembaikan ini ada anggaran kos sebanyak RM120 juta. Tapi angka yang sebenarnya akan ditentukan selepas kerja-kerja ini dibuat tawaran dan sebagainya. Dari segi dalam Dewan yang lepas pun memang disebut tentang kecurian dan sebagainya dan masih ada enam laporan Polis telah dibuat. Jadi anggaran yang dibuat sebanyak RM50 juta kehilangan dan sebagainya telah pun bukan sahaja dinafikan tapi telah dijawab dalam Dewan yang lepas. Dan ada kerja-kerja yang mungkin akan dibuat oleh pihak yang berpengalaman, mungkin cadangan kerja ini ada yang akan dibuat tender secara terbuka tetapi ada yang kerja-kerja khusus mungkin akan dicadangkan supaya kontraktor yang berpengalaman dan

sebagainya dijemput. Dan kalau kata dari segi reka bentuk bumbung akhirnya akan jadi satu reka bentuk yang tadinya dibuat selaku *independent roof structure* dengan izin, yang tidak akan membebankan struktur-struktur yang telah dibaiki itu akan menentukanlah maknanya, tapi bagi kerja-kerja yang *specialize* tentunya ia tidak akan dibuat secara terbuka dan lebih baik kita mendapat orang yang menjadi ahlihlah untuk membuat kerja-kerja ini. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih. Oleh kerana sekarang ini kita ada tempoh tidak perlu keluar minum, saya berhasrat untuk habiskan Soalan Lisan. Cuma saya nak tawarkan, saya nak minta Yang BERTHORMAT satu saja soalan tambahan pada soalan yang asal yang saya berikan. Kemudian, soalan daripada Ladang tadi saya ingat dah cukup sebab banyak 'dan' tadi, walau pun satu soalan tapi 'dan' dia banyak. Memang saya, lebih pada empat dan tadi, maknanya lebih pada empat soalan tambahanlah. Cukup Yang BERTHORMAT, telah dijawab panjang lebar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada lagi yang tak dijawab tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, saya nak bagi peluang pada kawan-kawan kita yang lain. Terima kasih Yang BERTHORMAT. Saya bagi peluang kepada Yang BERTHORMAT Kota Putera. Sila, satu soalan tambahan saja nanti.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Salam sejahtera. Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Apakah peruntukan-peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk menceria dan memeriahkan sambutan bulan Ramadan di setiap masjid dan surau pada tahun ini?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat BERTHORMAT Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang BERTHORMAT, Wakil Kerajaan, Ahli-ahli Yang BERTHORMAT Penyokong dan Pembangkang, seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Soalan daripada Wakil Kota Putera ialah mengenai peruntukan-peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menceria dan memeriahkan sambutan Ramadan di setiap masjid dan surau pada tahun ini. Sukacita saya maklumkan Dato' Yang Dipertua bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM867,400 untuk masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Negeri Terengganu di mana masjid kerajaan akan menerima sebanyak RM2,000 setiap satu, masjid mukim RM1,000 dan setiap surau menerima peruntukan sebanyak RM300 setiap satu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Di dapati ramai daripada Imam-imam luar negara dijemput khas datang ke Negeri Terengganu bagi mengimamkan Solat Sunat Terawih, jadi nak tahu berapakah bilangan mereka, daripada negara manakah datangnya mereka dan berapakah ganjaran yang diberikan kepada setiap Imam tersebut? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Imam-imam luar yang dijemput pada bulan Ramadan tahun ini untuk mengimami Solat-solat Terawih di masjid-masjid seluruh negeri, ada sebahagiannya daripada Arab Saudi dan sebahagian lagi adalah guru-guru daripada Mesir yang sedia ada mengajar di sekolah-sekolah agama di Negeri Terengganu. Mereka ini tidak dibayar gaji tetap cuma sebahagian besar mereka datang secara sukarela dan Kerajaan Negeri telah bermurah hati memberi sedikit suguhati kepada mereka sekalian selain daripada menyediakan kemudahan tempat tinggal, berbuka dan bersahur. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang ketiga –

*Nyatakan punca dan sebab-sebab projek menaiktaraf
Persimpangan Kuala Dungun sepanjang 2.17 kilometer
terbengkalai sehingga membahayakan pengguna?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, dan Pemerhati sekalian. Soalan Wakil Sura: Nyatakan punca dan sebab-sebab projek menaiktaraf Persimpangan Kuala Dungun sepanjang 2.17 kilometer terbengkalai sehingga membahayakan pengguna.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek ini telah dimulakan pada 15 Mei 2008 dan tarikh siap asal ialah pada 10 November 2010. Dan pihak kontraktor telah pun diberi lanjutan masa dua kali, keseluruhannya berjumlah 330 hari dan tarikh siap baru selepas lanjutan masa ini ialah pada 6 Oktober 2011. Ini peringkat awal ada masalah-masalah tanah sebahagian daripada laluan itu yang menyebabkan pengambilan balik tanah. Dan punca utama yang menyebabkan terbengkalai disebabkan oleh pihak kontraktor yang tidak menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh di mana kerja tak dapat disiapkan pada tarikh kerja yang telah ditentukan, banyak peluang telah diberi nasihat dan peringatan. Dan pada tarikh lanjutan masa itu kemajuan kerja yang sepatutnya dicapai 100% tetapi kemajuan yang dicapai oleh kontraktor hanya 51.6% sahaja. Dan lanjutan daripada itu pihak JKR telah mengeluarkan notis penamatan bagi kerja kontraktor ini pada 26 Januari 2012 akibat kegagalan kontraktor dan setakat ini pihak JKR dalam proses untuk memanggil tawaran bagi menyiapkan baki kerja yang tadinya terbengkalai. Dan pihak JKR memangpun sentiasa memberi keutamaan tentang keselamatan kepada semua pengguna jalan raya sama ada semasa pembinaan ataupun semasa penamatan kerja kontraktor dengan termasuk menyediakan papan tanda amaran dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, jalan ini dibina setelah daripada Majlis Daerah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Dungun dan jalan ini semasa dalam pentadbiran di bawah Majlis Daerah Dungun jauh lebih baik daripada di bawah Majlis Perbandaran sekarang. Jadi saya sangat berharap supaya jalan ini dapat disiapkan dengan sebagaimana yang telah disebut oleh EXCO Kerajaan Negeri dan apatah lagi dengan kos yang agak tinggi setelah daripada beberapa kali ditangguhkan supaya dia tidak berlaku lagi dalam kita menaikkan taraf Majlis Perbandaran tu pastikan bahawa di antaranya infrastruktur itu mesti infrastruktur Majlis Perbandaran. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Tak ada soalan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tapi saya pun yalah, pasal kitapun sedih juga pasal sama daripada Dungun. Pasal kita memang nak tengok jalan itu siap jugak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Sura. Saya jemput Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum, Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama -

Bilakah Kerajaan bercadang untuk membina Rumah Mampu Milik dalam kawasan DUN Permaisuri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga kini sebanyak 228 unit Rumah Kos Rendah telah pun dibina di kawasan Permaisuri. Namun demikian, Kerajaan prihatin dan mencadangkan untuk membina 400 unit Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik di Permaisuri pada masa yang akan datang yang terdekat ini iaitu di Kampung Guntung Luar. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah lagi halangan-halangan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri ataupun di peringkat daerah-daerah yang menyebabkan setahu saya projek yang dicadangkan di Guntung ini ada dalam Bajet pada tahun 2011 tetapi hanya dengan token. Pada 2012, projek ini tidak ada lagi dalam senarai untuk dilaksanakan. Jadi saya nak tahu apakah lagi halangan-halangan sama ada peringkat Kerajaan Negeri ataupun di peringkat daerah yang menyebabkan projek ini ada pada tahun 2011 tetapi tidak ada pada tahun 2012 dalam Bajet Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Memandangkan di tempat-tempat lain lebih kritikal dan permintaan yang tinggi menyebabkan kita tangguhkan sementara pembinaan di kawasan Permaisuri kerana permintaan di Permaisuri tidaklah sekritikal di Kuala Terengganu dan daerah-daerah lain. Namun demikian, Kerajaan memahami akan keperluan ini

dengan perkembangan semasa dan insyaAllah selepas ini akan tiba giliran Permaisuri, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Saya jemput Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama –

Untuk tempoh tahun 2011 dan 2012, berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan pembangunan sukan di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Kemasik ingin mengetahui perbelanjaan dan peruntukan yang disediakan bagi Pembangunan Sukan Negeri Terengganu bagi tahun 2011 dan 2012 adalah sebanyak RM40,198,832.50. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT IR ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Jadi saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Pasukan Negeri Terengganu kerana sekali lagi menjadi, muncul sebagai Juara Sukan SUKMA untuk kali yang keempat berturut-turut. Jadi alhamdulillah kita tengok ramai wakil-wakil atau pun atlet-atlet daripada Terengganu yang menjadi wakil Malaysia dalam pertandingan-pertandingan sukan seperti yang baru-baru ini Sukan Olimpik. Jadi soalan saya, apakah rancangan Kerajaan bagi memastikan kesinambungan yang sedia ada, maksud saya muncul juara empat tahun berturut-turut dalam sukan SUKMA untuk kita kembangkan atlet-atlet yang ada supaya mereka boleh mewakili Negara Malaysia khususnya dalam pertandingan-pertandingan sukan lain seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Piala Dunia, maksud saya apakah rancangan Kerajaan contohnya diwujudkan akademi-akademi sukan yang lebih banyak dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya kejayaan sukan Terengganu empat tahun berturut-turut ini adalah merupakan satu daripada pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bermula daripada sebelum daripada tahun 2008 lagi. Sebenarnya persediaan atlet yang daripada awal dan juga berterusan di samping sokongan dan juga peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri yang secukupnya untuk membangunkan pembangunan sukan di Terengganu yang boleh memastikan atlet-atlet Terengganu pada sekarang ini boleh bersaing bukan saja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga bahawa atlet-atlet Terengganu juga sekarang ini merupakan atlet yang paling besar yang mewakili Negara dalam Sukan SEA yang berlangsung di Jakarta baru-baru ini. Begitu juga atlet-atlet daripada anak-anak Terengganu merupakan atlet yang paling ramai yang mewakili kebangsaan di Sukan Olimpik yang berlangsung di London dan masih lagi berlangsung pada masa sekarang ini iaitu seramai 6 orang anak-anak Terengganu yang telah berjaya mewakili Negara di peringkat Sukan Olimpik tersebut. Di samping itu juga, Kerajaan juga melalui Majlis Sukan Negeri kita menyediakan banyak pembangunan, memberi tumpuan yang banyak kepada pembangunan-pembangunan sukan khususnya dengan penubuhan akademi-akademi sukan di Terengganu dan juga memberi peruntukan-peruntukan yang tertentu kepada sekolah-sekolah di Negeri Terengganu khususnya Sekolah Menengah Bukit Nenas yang telah dijadikan Sekolah Sukan bagi Negeri Terengganu yang disediakan peruntukan oleh pihak Kerajaan seperti biasiswa, insentif dan sebagainya. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan kepada Pembangunan Sukan Akademi sebagaimana yang dimaklum tadi Akademi Bola Sepak, Akademi Badminton, Akademi Renang, Akademi Ragbi, walaupun Yang Berhormat Wakaf Mempelam beritahu merupakan satu langkah yang tidak sesuai untuk ragbi kerana kita saiz kecil. Itu sebenarnya bagi pandangan orang yang berjiwa kecil pada saya(Dewan tepuk)... Pada saya permainan ragbi ini, saya tak tahu sama ada Yang Berhormat tahu ke tidak, orang yang kecil macam Yang Berhormat Tepoh pun sebenarnya boleh main ragbi *lening* peringkat besar

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Calon saya seorang neh...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hok duduk serang di tengah tu sebenarnya dia pilih orang yang paling kecil sekali dalam pasukan tu.

Dan pada masa sekarang ini dalam soal saiz tidak timbul Yang Berhormat, saiz ni kalau masa dulu kalau kita tengok atlet-atlet Jepun pada suatu masa dulu lebih pendek daripada kita lagi, dan juga atlet Korea pun sama pendek daripada orang Melayu lagi. Dalam pembangunan sukan hari ni untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Pemerhati dan juga rakan-rakan bahawa ia mempunyai bahasa kitalah bahasa Terengganu ni kalau orang kata dalam sukan hari ini dia ada cara dia. Hak kecil nak suruh besar boleh, hak pendek nak suruh panjang pun boleh, hak panjang nak suruh pendekpun boleh. Boleh belaka Yang Berhormat(Dewan gelak).... Jadi boleh buat hari ini dalam sukan. Dan kita tengokpun atlet-atlet Jepun pun hari ini panjang-panjang belaka dah. Dan boleh bermain di peringkat antarabangsa dan boleh bersaing begitu juga dengan Korea. Dan insyaAllah dalam tempoh 10 hingga 15 tahun lagi anak-anak Terengganu kalau sekiranya diberi sokongan sebagaimana yang telah diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini insyaAllah boleh melahirkan atlet-atlet ke peringkat dunia, Yang Berhormat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Tahniah.

YANG BERHORMAT IR ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih atas jawapan kata orang yang cukup sedap kita dengar tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita jemput Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh . Soalan saya yang pertama –

*Apakah perancangan Kerajaan mengenai tapak pasar
lama Kedai Buloh?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu merancang untuk membina bangunan perkedaian di tapak Pasar Lama Kedai Buluh. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan. Bahan-bahan pasar lama yang diruntuhkan yang boleh digunapakai adakah dijual ataupun dibahagi-bahagikan ataupun dibiarkan sehingga rosak,

di waktu yang sama saya melihat tapak pasar lama itu sedang atau pun telah dipasang tiang-tiang pagar. Adakah ia bertujuan untuk memagar kawasan itu yang membuatkan pengguna-pengguna tidak dapat menggunakan buat sementara untuk *parking*?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu tanah kepunyaan Majlis Bandaraya, adalah menjadi hak dia untuk memagarnya supaya tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak. Dan mengenai bahan yang lama itu saya perlukan notis untuk dapatkan penjelasan daripada Majlis Bandaraya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih Bukit Payong. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikian selesainya Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ada usul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sekejap saya habiskan ini. Selesainya Soalan-soalan Lisan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang kita yang kali ini. Ya, saya jemput Batu Burok.

Cadangan Di Bawah Fasal 30
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap
Dewan Undangan Negeri Terengganu

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Dato' Yang Dipertua, saya Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Batu Burok, memohon mencadangkan bahawa persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu tanah milik Kerajaan Negeri di bawah Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu yang terletak di Mukim Kerteh yang terpaksa dilelong secara terbuka oleh sebuah bank ekoran kegagalan membayar pinjaman bank.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara yang tertentu kerana telah berlaku suatu tragedi yang amat memalukan seluruh rakyat Negeri Terengganu. Akibat kegagalan membayar pinjaman, Hong Leong Bank Berhad telah melelong tanah milik Kerajaan Negeri ini melalui satu lelongan awam yang telah diadakan pada 18 Julai 2012. Menurut dokumen lelongan awam yang terbabit, tanah tersebut telah dilelong pada jam 10.30 pagi di Bilik Lelongan Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu. Lebih malang lagi sebuah syarikat bukan bumiputera yang berpangkalan di Pulau Pinang, Alam Sira Development Sdn. Bhd. telah menjadi pembida tunggal yang berjaya membida tanah milik Kerajaan Negeri dengan harga rezab RM5.594 juta. Ia mempunyai 158 lot tanah rumah banglo, 168 lot tanah rumah berkembar, dan 106 lot tapak rumah kedai.

Dato' Yang Dipertua, persoalan besar yang menjadi tanda tanya kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu kini adalah kenapakah tanah yang menjadi milik mutlak Kerajaan Negeri ini boleh dilelong dengan begitu mudah secara terbuka oleh bank. Siapakah yang bertanggungjawab dengan kejadian yang memalukan seluruh rakyat Negeri Terengganu. Apakah Kerajaan Negeri tidak mahu ambil peduli sehingga tanah milik Kerajaan ini terlelong begitu sahaja tanpa siapa yang mengambil tanggungjawab. Atau apakah Kerajaan Negeri sudah kehabisan sumber kewangan sehinggakan tidak mampu lagi untuk membida bagi menebus kembali tanah milik Kerajaan Negeri ini.

Dato' Yang Dipertua, perkara ini telah melibatkan kepentingan orang ramai kerana ini adalah pertama kali berlaku dalam sejarah Negeri Terengganu, tanah Kerajaan yang dilelong secara terbuka oleh sebuah bank. Ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat Terengganu terhadap pentadbiran serta kredibiliti pimpinan yang ada. Malahan kejadian yang sama ini juga sedang berlaku kepada tanah-tanah orang Melayu di Bandaraya Kuala Terengganu yang terhakis sedikit demi sedikit apabila ada tanah milik orang Melayu di pusat Bandar telah bertukar tangan kepada bangsa lain dengan begitu mudah. Masa depan masyarakat Melayu Bandar sehingga kini tidak menentu dengan siri demi siri pengambilan tanah penduduk yang dilakukan di atas nama pembangunan dan membela orang-orang Melayu Terengganu. Sepatutnya, Kerajaan Negeri meneliti kembali dengan serius cadangan agar agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Tabung Amanah Warisan, Yayasan Terengganu dan Yayasan Islam memainkan peranan memastikan tanah milik Kerajaan ataupun tanah orang-orang Melayu Bandar terus terpelihara dari

bertukar tangan dengan mudah demi masa depan anak bangsa Melayu Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, perkara ini perlu disegerakan kerana ini merupakan titik hitam dalam sejarah pentadbiran Kerajaan Negeri dan menyentuh maruah seluruh rakyat Terengganu. Tergadainya tanah milik Kerajaan di Kerteh ini membuktikan bahawa kepimpinan Kerajaan Negeri sekali lagi gagal memikul amanah bagi membela rakyat Terengganu Darul Iman. Pengurusan yang tempang dan penuh dengan keraguan serta tidak mendahului kepentingan rakyat ramai telah mengakibatkan tanah milik Kerajaan ini dilelong dan ini adalah amat-amat dikesali. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila serahkan kepada Bentara.*[Bentara mengambil Kertas Salinan Cadangan Usul daripada Y.B. Batu Burok dan menyerahkannya kepada Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan]*

Ahli-ahli yang berhormat sekalian, saya menerima salinan Cadangan Usul oleh Wakil Batu Burok yang mengemukakan Usul Di Bawah Peraturan Mesyuarat Fasal 30 Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu sepertimana yang dibaca sebentar tadi.

Setelah meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan memang ia mempunyai perkara-perkara yang tertentu, juga mempunyai kepentingan kepada orang ramai tetapi atas untuk disegerakan saya percaya dengan sidang yang kita ada manakala dengan perkara yang dibangkitkan ini seolah-olah dalam bentuk persoalan. Saya berharap bolehlah disentuh atau pun dijawab pihak Kerajaan dalam perbahasan ataupun penggulungan pihak Kerajaan sebentar nanti, jika perlulah. Jadi tidaklah perlu kita segerakan ia akan menambah masa untuk kita bahaskan dalam Fasal 30 ini. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita meneruskan agenda kita kepada seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan dua orang Ahli Yang Berhormat kita, saya terlepas pandang tadi, Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Puan Hajjah Rohani Abdullah dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Besut, Selamat Datang ke sidang kita. Mudah-mudahan mereka dapat

memungut daripada sidang kita ini untuk dibawa ke peringkat Parlimen. Juga kita mengucapkan Selamat Datang, terima kasih kepada Pemerhati anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara, Marang seramai 115 orang dan kepada Pemerhati-pemerhati individu, Pemerhati tetap individu kita juga memang ada tak dapat saya sebut seorang perseorang. Terima kasih.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Usul Tambahan Peruntukan Yang Pertama 2012

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, rakan media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 2012 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

JADUAL		
MAKSUD	TAJUK	TAMBAHAN (RM)
P. 02	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	155,200,000.00
P. 19	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	18,000,000.00
JUMLAH		173,200,000.00

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil.1/2012. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk saya bercakap dalam Kumpulan Wang Pembangunan (Peruntukan Tambahan).

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita perlu untuk mengetahui secara *detail* apakah yang diperlukan oleh Jabatan Setiausaha Kerajaan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menyebabkan penambahan sebanyak RM150 juta pada hal tahun ini tahun kewangan sekarang ini tidak lama lagi ia akan berakhir. Apakah sebab-sebab yang memerlukan kesegeraan bagi Kerajaan untuk mendapat peruntukan tambahan itu? Pada kebiasaannya peruntukan tambahan ini telah dibelanja terlebih awal maka untuk dia menjadikan mengikut peraturan dan undang-undang maka wang yang sudah dibelanjakan itu maka dimasukkan ke dalam Persidangan ini untuk diluluskan pada hal wang itu sudah pun dibelanjakan. RM150 juta itu bukan sedikit, tetapi Kerajaan kata dia ada duit. Pada hal duit masih tak cukup dan perlu berhutang dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hairan juga Kerajaan sekarang ini *awe* duit banyak ni kemaruk, semakin kemaruk berbelanja. Sepatutnya bulan puasa ni dok kemaruk sangat, tapi dia kemaruk, berbelanja habis-habisan sehinggakan apa yang diperuntukkan pada dalam Bajet yang lepas tidak mencukupi. Memang biasa bagi Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Negara berbuat demikian. Tetapi ini menunjukkan bahawa semasa kita menyediakan bajet kita tidak begitu meneliti, kita hanyalah kerana Kerajaan sedar bahawa apapun dia buat akan dapat kelulusan Dewan kerana dia mempunyai majoriti yang terbesar. Saya harap Kerajaan tidak menggunakan kuasa yang ada pada Dewan ini yang Kerajaan mempunyai majoriti membuat sebarang peruntukan dan pertambahan dan perbelanjaan. Ada saya dapati bahawa ada projek-projek pembangunan yang sepatutnya siap tetapi sampai sekarang tidak siap. Saya malu nak bercakap pasal dalam kawasan saya, saya tanya dulu bila Pasar Manir nak siap, dia kata dah nak siap dah tapi masih banyak lagi yang tidak siap walau pun masa telah berlalu. Kadang-kadang duit peruntukan tambahan itu diperlukan kerana kelewatan berlaku dan kerana kecuaiannya kontraktor-kontraktor itu sendiri. Saya harap Kerajaan berhati-hati pada masa akan datang, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada dah Yang Berhormat? Pihak Kerajaan kalau perlu dibuat penggulangan. Silakan, Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Manir yang sebentar tadi yang seolah menggambarkan Kerajaan ini tidak telus, tidak bertanggungjawab dan buat ikut suka hati. Sebenarnya saya percaya bahawa oleh kerana keuzuran Wakil Manir dia tidak sempat membaca laporan yang telah kita sediakan kerana daripada peruntukan yang dipohon itu yang melibatkan 17 perkara (*item*) Dato' Yang Dipertua dengan izin, iaitu pertama:-

- melibatkan Pembinaan Istana Baru Di Bukit Cendering RM80 juta.
- 15 Projek Perumahan Untuk Rakyat yang masih dalam pembinaan yang memerlukan pembayaran dari segi *progress* untuk kemajuan projeknya melibatkan RM75,200,000.
- Penglibatan pengambilan balik tanah oleh pihak PTG memerlukan tambahan sebanyak RM30 juta.

Jadi kalau saya boleh sebut dengan *detail* Dato' Yang Dipertua, 15 projek perumahan ini kita telah sebut satu persatu yang memerlukan tambahan seperti berikut:-

- RKR Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu – RM2 juta.
- RKR Padang Kemunting, Padang Kubu, Kemaman – RM4 juta.
- RKR Gong Cengal, Kemasik, Kemaman – RM6 juta.
- RKR Cerong Binjal, Kuala Terengganu – RM500,000 (Siap. Pembayaran akhir).
- Rumah Mampu Milik (RMM) Batu Tujuh, Dungun – RM1.5 juta.
- Rumah Mampu Milik (RMM) Pekan Ajil – RM2 juta.
- RMM Perasing Jaya, Kemaman – RM7.2 juta (Siap. Pembayaran akhir).
- RMM Bukit Gasing, Marang – RM5 juta (Dalam pembinaan).
- RKR Paya Beril, Dungun – RM500,000.
- RMM Kampung Batin, Kuala Terengganu – RM8 juta.
- RKR Kampung Padang Luas, Besut – RM2 juta.
- RKR Paya Lawas, Dungun – RM1.5 juta (Siap. Pembayaran akhir).
- RMM Pulau Redang – RM13 juta.
- RKR Teluk Kalong – RM10 juta.
- RKR Pulau Perhentian – RM12 juta.

Semua dinyatakan satu persatu Dato' Yang Dipertua demi kepentingan rakyat Terengganu dari segi pembinaan rumah yang disebut itu tadi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang saya katakan tadi kenapa semasa kita buat Bajet dulu kenapa tak masukkan selalu, masa buat Bajet dulu, sekarang ini baru kira-kiranya tak tepat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, Bajet telah dibuat berasaskan *forecast* pembinaan dan sebagainya. Ada projek tersebut yang *delay* yang terpaksa dimasukkan ke tahun semasa, ada projek yang siap cepat daripada jadual yang perlu dibayar. Ini proses biasa dalam perancangan pembangunan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baiklah Yang Berhormat sekalian, usul ini telah digulung oleh pihak Kerajaan dan sekarang saya buka untuk undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Mineral (Terengganu) 2002, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002, DIBACA
BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Mineral (Terengganu) 2002, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 82(1)(a) dan seksyen 129(1) Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 supaya Pemegang Lesen tuan punya dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Pemulihan Bersama. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh yang telah menyokong Rang Enakmen ini. Kepada sesiapa Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian yang ingin berucap ke atas Enakmen yang dibentangkan, saya persilakan. Sila Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada yang nak berucap, sekarang saya buka kepada undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang berada dalam Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Mineral (Terengganu) (Pindaan) 2012.**

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2012 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2012 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2012, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Tepoh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua, sekarang saya buka untuk perbincangan. Kepada sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhajat untuk berbincang di dalam perkara yang berbangkit, saya persilakan. Sila Wakil Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Membaca Surah Al-Baqarah ayat 183 sebagai mukadimah). Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang Pemerhati, warga Dewan yang saya hormati lagi dikasihi Allah S.W.T.

Pertama sekali, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan untuk saya bercakap sepetah dua bagi membincangkan Rang Enakmen yang telahpun dicadangkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah pada hari ini kita sudah berada di hari yang ke-24 dalam bulan Ramadan tahun 1433. Ini bermakna kita sudahpun 24 hari berpuasa dan kita juga sudah masuk hari ke-24 untuk kita melaksanakan tugas-tugas kita sebagai hamba Allah S.W.T. sama ada tugas itu berupa tugas yang wajib kita lakukan mahupun tugas-tugas sunat yang dituntut untuk kita lakukan. Mudah-mudahan apa yang telah pun kita lakukan sepanjang yang lalu akan memberikan hasil dan natijah yang terbaik untuk kita di sisi Allah S.W.T. dan pada masa yang sama kita juga masih diberikan peluang untuk bermuhasabah, menghisab di atas apa yang telah kita lakukan. Perkara itu merupakan suatu di antara satu kaedah yang terbaik untuk kita melaksanakan tugas kita sebagai hamba Allah S.W.T.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebab itulah apabila pihak Kerajaan, Yang Amat Berhormat membentangkan Rang Enakmen tambahan ini. Ia merupakan suatu perkara yang diambil tindakan berdasarkan kepada proses menilai dan bermuhasabah dalam usaha untuk mentadbir dan membangunkan negeri demi untuk kebajikan kepada rakyat secara keseluruhannya. Walaupun

sebenarnya Dewan ini pernah meluluskan Bajet perbelanjaan tahun 2012 di akhir tahun lepas iaitu sebanyak RM1.950 bilion dan pada hari ini pihak Kerajaan membentangkan satu Enakmen untuk menambahkan peruntukan tersebut atas sifat untuk memastikan bahawa ada perkara-perkara yang sebelum ini tidak pernah diambil perhatian tetapi dengan sifat murni Kerajaan lebih berhasrat untuk memberikan kebajikan kepada rakyat maka menjadi satu tugas Kerajaan meskipun tidak ada di dalam peruntukan Bajet yang lalu untuk Kerajaan membentangkan tambahan Bajet. Dan tambahan Bajet itu adalah di bawah kemampuan yang ada pada kita Kerajaan yang memerintah. Dan apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini, inilah yang dikatakan tambahan yang baru, yang tadi itu adalah merupakan Usul untuk berbelanja yang telah dibentangkan oleh Wakil Seberang Takir. Ketentuan Bajet sudahpun ditentukan sebelum ini tetapi untuk berbelanja berdasarkan kepada perkembangan semasa yang berlaku sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi memerlukan kepada Usul perbelanjaan tersebut. Yang dibentangkan yang baru ini adalah merupakan inilah yang dikatakan tambahan yang sekitar RM125,200,000 bagi maksud untuk urusan pemberian dalam negeri iaitu bantuan kepada Penguasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun serta Bantuan Am untuk memberikan sedikit rasa penghargaan kepada pihak yang turut membantu untuk menjaga keamanan dan keselamatan dalam negeri iaitu pihak RELA bagi maksud memberikan bantuan menyediakan uniform kepada Pasukan RELA kerana ramai di kalangan Pasukan RELA yang masih tidak mempunyai uniform. Maka atas dasar hasrat pemurahnya Kerajaan terhadap golongan-golongan seumpama ini yang membantu pihak berkuasa, pihak keselamatan seperti Polis dan seumpamanya, mereka ini secara sukarela sebenarnya berusaha untuk menjaga keamanan dalam erti kata apa saja yang perlu dilakukan yang perlu dimainkan peranan oleh mereka, sebab itulah atas rasa kecaknaan dan rasa bertimbang rasa Kerajaan, maka golongan ini diberikan sedikit bantuan sumbangan sekadar untuk menyediakan uniform ataupun baju kepada RELA tersebut.

Dan disamping kepada bantuan Penguasa-penguasa Tempatan Badan-badan Berkanun Negeri yang merupakan yang sebelum ini merupakan di antara badan-badan yang sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bahawa Penguasa Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan antaranya di Negeri Terengganu kita ini sentiasa memerlukan kecaknaan Kerajaan makna sumbangan kewangan daripada Kerajaan, penyediaan kewangan daripada Kerajaan kerana selain daripada Pihak Berkuasa Tempatan di Kemaman

kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain tidak mampu untuk berdiri dengan sendiri kalau nak dilihat dengan hasil-hasil yang dipungut oleh mereka. Sebab itu Kerajaan perlu memberikan peruntukan bagi menampung dan untuk membantu Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun ini untuk meneruskan khidmat mereka kepada masyarakat di samping untuk memberikan kebajikan kepada seluruh kakitangan yang berada di bawah Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam soal inilah kita merasakan bahawa lebih-lebih lagi di dalam bulan Ramadan ini, bulan yang meminta kita untuk kita lebih bertimbang rasa kepada orang lain, bulan yang meminta untuk kita lebih menjadi sebagai seorang yang pemurah, bulan yang menganjurkan kita supaya lebih memberikan perhatian untuk membantu orang lain. Maka adalah wajar dalam erti kata anggaran perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2012 ini dibawa oleh pihak Kerajaan untuk memastikan supaya apa yang telah saya sebutkan tadi dapat diberikan perhatian kepada mereka. Dan kalau dicampurkan dengan Bajet yang telahpun disediakan asal iaitu RM1.950 bilion dengan tambahan sebanyak RM125,200,000 maka keseluruhannya kalau ianya diluluskan akan menjadi sebanyak RM2.075 bilion, lebih kurang begitulah bagi maksud untuk pentadbiran dan pengurusan Kerajaan bagi memastikan supaya keseluruhannya dapat dilakukan dengan cara baik.

Begitu juga dalam anggaran Bajet ini ada benda baru yang hendak diberikan perhatian oleh Kerajaan iaitu sumbangan Program Yayasan Pendidikan Antartika Sultan Mizan Zainal Abidin yang merupakan suatu program yang baru yang merupakan suatu hasrat besar Kerajaan bagi memasukkan supaya Yayasan ini dapat berjalan dengan baik di masa akan datang.

Dan perkara ini memang tak pernah disebut dalam pembentangan Bajet sebelum ini dan tidak pernah wujud tetapi ia baru lahir maka ia memerlukan kepada tambahan peruntukan, tambahan perbelanjaan bekalan. Atas sifat itulah sebagai seorang Ahli Dewan saya merasakan bahawa perkara ini amat perlu untuk kita persetujuan bersama demi untuk memastikan apa yang hendak kita lakukan ini merupakan perkara yang boleh memanfaatkan kepada semua pihak.

Saya rasa Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, itulah yang nak saya sebutkan dalam Dewan ini. Mudah-mudahan Allah memberikan keberkatan

bersama kepada usaha yang kita lakukan dan yang pastinya sebenarnya dari dulu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita adalah Kerajaan yang sentiasa prihatin kepada rakyat sebenarnya. Dan antara yang kita beri pada RELA itu adalah merupakan satu pemberian tunai dalam bentuk kita nak ambil nak berikan kecaknaan kepada mereka, inilah merupakan langkah yang kita lakukan lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan macam ni nak sambut raya. Kita beri bantuan tunai kepada rakyat yang memerlukan melalui Dana Raya dan sebagai contohnya kita telah bentangkan dalam Dewan sebelum ini, Dana Raya, Dana Bakti Remaja dan sebagainya. Alhamdulillah, rakyat begitu rasa gembira, rakyat begitu rasa bersyukur kerana dalam keadaan nak sambut Hari Raya mereka telahpun diberikan ehsan oleh Kerajaan walaupun sekitar RM300 seorang. Rakyat Terengganu juga walaupun kecil berbentuk pemberian kurma, air zam-zam tetapi kepada rakyat yang berada di kampung, orang-orang tua yang ada di kampung apa yang diberikan oleh Kerajaan itu merupakan suatu penghargaan yang cukup besar walaupun air zam-zam itu hanyalah sebotol yang kecil tetapi nilainya adalah cukup besar. Kesemuanya itu adalah merupakan perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan secara *direct* untuk memastikan rakyat turut bersama-sama menikmati segala apa yang ada kepada negeri kita di bawah kemakmuran dan kemewahan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih sahabat saya daripada Tepoh. Sayapun ucap terima kasihlah dapat diberikan air kurma, air zam-zam

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Takdok air kurma eh!

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Tapi apalah kalau nak dibandingkan dengan rakyat boleh air kurma, dengan air zam-zam nak dibandingkan oleh kerana soalan saya ditolak saya mencelah di sini selalulah, EXCO dapat tanah ni. Hak baru pulak ada pulak dapat tanah ni, dengan dapat tanah bukan sikit, 2 hektar, 5 ekar dapat tanah. Rakyat boleh air zam-zam saja itupun nak bangkit nak bangga sangat. Wallahua'lam.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, beginilah orang sebenarnya. Dia cuba untuk sebenarnya nak cari aje.

Kita berbincang tentang soal apa yang kita beri kepada rakyat. Betullah yang disebutkan tentang soal Wakil Rakyat dan itu memang telahpun diputuskan oleh Kerajaan. Diapun boleh minta sebenarnya. Cuma dia saja buat tak mintak, lepas itu bila balik Wakil Rakyat kita mintak, dia baham kita. Ini jenis perangai yang dok berapa comellah. Saya takmboh sebut panjang sangat dalam bulan puasa ni, ya Wakaf Mempelam neh. Kita serupa....(Dewan gelak)....

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dan memang yang sebenarnya kita tahu walaupun disebutkan benda tu kecil dan sebagainya, itulah sebenarnya kebanggaan kita kepada rakyat, nak rasakan. Kalau dulu Pembangkang duk sebut sangat bila dulu zaman pemerintahan Tan Sri Wan Mokhtar selalu disebutkan bahawa bila bina Jambatan Sultan Mahmud, dia kata membazir. Kalaulah dia kata kalau dengan tak bina Jambatan Sultan Mahmud tu kalau bagi duit kat rakyat berapa ratus berapa ribu rakyat boleh dapat dia kata. Lebih baik bagi ke rakyat bila Kerajaan buat Jambatan Sultan Mahmud. Hari ni Jambatan Sultan Mahmud tu sudah tidak mampu untuk menampung keseluruhan kenderaan yang ada dalam negeri kita, perlu ada jambatan yang lain. Di samping kita usaha buat jambatan yang lain kita bagi juga kepada rakyat. Apa yang kita bagi ini sebenarnya merupakan di antara perkara yang pernah Pembangkang kata dulu. Tapi bila kita bagi dia baham ikut lain pula dia pusing, mentang-mentang dia tak boleh nak bagi. Inilah yang sebenarnya, begitulah hakikatnya walau apa sekalipun pihak Pembangkang apa yang kita buat ini kalau dah baik untuk rakyat maka ia merupakan suatu perkara yang harus kita hargai. Sebelum inipun pada masa dahulu pemerintahan Pembangkang pun, hal-hal begini tidak banyak dilakukan. bahkan yang adapun ditarik balik dan sebagainya. Inilah yang saya katakan suatu kelebihan dan kemakmuran yang ada kepada negeri kita hasil daripada kecaknaan kita sebenarnya. Sebab itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya seperti yang saya katakan tadi saya ingin hentikan ucapan saya ini secara ringkas, mungkin ada dari kalangan yang lain untuk berucap. Tapi sebagaimana biasalah sebagai wakil yang menyokong kepada Enakmen ini saya perlu untuk sedikit sebanyak berbahas dan mengucapkan perkara-perkara yang seumpama ini demi kebaikan bersama.

Sebelum tu saya ada terima, tapi saya kena sebutlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bila Wakaf Mempelam sebut tadi, sayapun tak ingat baru ingat balik. Zaman pemerintahan dia dulu dia sebut tanah hak apa semua ni, ada tanah tanam limau di Durian Mentangau boleh kepada salah seorang Wakil Rakyat, masa tu

wakil rakyat PASlah, ratusan ekar. Tapi hak Wakil Rakyat kita boleh beginipun dia bunyi dah, hak ini ratusan ekar di Durian Mentangau jadi guana limau tu lening.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masa kita memerintah dulu saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, minta penjelasan ke, apa ni?

YANG BERHORMAT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak beri penjelasan kepada apa yang disebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak payah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya berasa saya nak berhenti dah ni, saya nak perhabis dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT(Wakil Wakaf Mempelam): Kalau berani berhadap tunggulah sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah tak apalah, kekgi boleh sebut masa deme nak cakap kekgi kalau deme nak bercakap. Kita anggar nak berhenti dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam minta penjelasan boleh nak penjelasan, Kerajaan boleh beri penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apalah saya minta penjelasanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lailahailallah. Dok payah pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Nak mintak penjelasan dengan Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak minta penjelasan. ADUN Tepoh, dia tahu dok waktu kita memerintah dulu satupun Wakil Rakyat kita tak bagi tanah, seorangpun kita tak bagi. Yang kita bagi kepada syarikat, kita bagi kepada koperasi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini penerangan ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yes. Sekarang ini itu yang nak minta penjelasan daripada dia pasal dia sebut tak betul. Dia sebut tak betul. Kita tak bagi pada individu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar, sabar Yang Berhormat, sila duduklah. Ada lagi Tepoh?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya perhabislah Dato' Yang Dipertua. Derah dia, tu nampak doohlah tu, bila dia kalau kita tengok Dato' Yang Dipertua bila kita cakap sesebenda ni, ini memang psikologi manusia. Bila kita sebut tu dia terlantah selalu tu ada benda dok kenalah tu. Hah itu dia sebenarnya, ada benda dok kena.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Benda apa dok kena, khaborlah benda apa dok kena?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Cuma muka dia aje hari ini molek sikit hari ini tak berapa merah sangat(Dewan gelak).....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Benda apa dok kena, cuba mu khabor. Jangan nak main tuduh di bulan puasa ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dok tuduh-tuduh eh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah benda apa dok kena, cuba mu khabor. Saya kata itu tuduhan, kata ada benda dok kena. Saya perjelaskan, kerana saya minta penjelasan. Saya kata kita tak pernah bagi kepada mana-mana individu (Wakil Rakyat). Kepada koperasi, yes. Kepada tu yes, tapi bukan kepada individu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kalau nak minta penjelasan, minta penjelasan saja. Jangan buat penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya nak perhabis dah ni Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): EXCO dapat 2 hektar.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Takmboh panjang-panjang dah takut jadi lain. Minta maaflah Wakaf Mempelam deh. Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Rumah saya raya kedua. Mari, mari.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Rumah saya raya ketiga. Kita pakat deh. Hak tu tak dok masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak tu tak dok masalah, tapi jangan duk buat tuduhan kepada kita bagi tanah kepada individu. Tak ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Cukup-cukup. Yang Berhormat, saya akan beri peluang nanti.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, ialah saya nak berhenti dah. Kalau ikut tadi sebenarnya ada nama tu, Wakil Ladang hari itulah Dr. Sulaiman. Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sajalah

daripada saya. Justeru itu, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua yang mengizinkan untuk saya berucap sepecah dua. Dan atas kesempatan ini saya nak mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta para Pemerhati yang hadir dalam sidang Dewan kita sehari pada hari ini. Mudah-mudahan puasa yang berbaki ini dapat kita teruskan dengan baik dan saya jemput ke rumah saya pada hari raya yang ketiga. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Itu yang payah saya tu, banyak hak yang luar daripada Enakmen kita bincang. Terima kasih. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang ingin berucap. Berucap sahaja, minta penjelasan, yang beri penjelasan nanti ataupun yang beri penjelasan yang berucap ataupun penggulungan itu oleh pihak Kerajaan. Sila, Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, pimpinan Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Enakmen Perbelanjaan Tambahan yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri pada pagi ini adalah merupakan suatu yang sebagaimana kita maklum merupakan suatu tambahan yang meletakkan perbelanjaan Negeri Terengganu untuk empat tahun berturut-turut secara rekodnya melebihi RM2 bilion. Sebagaimana yang disebut tadi, Bajet yang terbaru yang kita luluskan pada tahun ini adalah RM1.950 bilion dan perbelanjaan tambahan yang sedang kita bincang dan perbahaskan ini merangkumi lebih kurang RM125 juta. Perbelanjaan yang amat besar ini sepatutnya sudah dapat memastikan kemakmuran dan kekayaan yang terhasil ini dapat dikecapi oleh setiap lapisan masyarakat. Ini merupakan suatu tuntutan dan tanggungjawab kita semua di Dewan ini. Jurang antara yang kaya dengan yang miskin sepatutnya kita dapat rapatkan. Rakyat Negeri Terengganu dengan perbelanjaan sebanyak ini sepatutnya tidak perlu lagi menagih duit-duit ihsan setiap kali ada sahaja musim-musim tertentu, musim cuti sekolah, musim raya, musim tahun baru dan sebagainya kita dapat melihat bagaimana rakyat bawahan terutamanya yang sejak berpuluh-puluh tahun masih lagi terpaksa menagih duit-duit ihsan dan subsidi yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada golongan ini. Kita

tidak menyatakan ini suatu yang terbaik tetapi tidak mengeluarkan rakyat Terengganu daripada kancas kemiskinan. Ini persoalan yang begitu besar.

Dato' Yang Dipertua, dalam Enakmen ini juga disebut tentang tambahan kepada pengambilan tanah. Saya sebut berulang-ulang kali di Dewan yang mulia ini tentang kepentingan strategik tanah-tanah orang Melayu terutamanya

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya mahu penjelasan. Mana ada dalam Enakmen ini hal pengambilan tanah. Yang tadi yang Usul. Ini bukan Enakmen yang baru.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya sebut yang tambahan yang diminta dalam pengambilan tanah. Dato' Speaker, bukan saudara.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Cuba tengok balik semula ada tak dalam Enakmen ini hal pengambilan balik tanah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, terima kasih penjelasan. Sila ikut apa yang kita bincanglah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato Yang Dipertua, saya ingin spesifik kepada suatu kes yang berlaku pada 10 Jun 2012, Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan tentang bagaimana tanah yang diambil di Kampung Ladang, Tok Pelam. Kerajaan Negeri telah menetapkan harganya RM754 semeter ataupun RM70 sekaki.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini ada dalam Enakmen Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak pergi pada *point* dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan panjang sangat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ringkas saja. Tapi dibantah oleh rakyat dan mahkamah telah membuat

keputusan bahawa bantahan rakyat itu benar. Bantahan rakyat, orang-orang Melayu yang memiliki tanah di Kampung Ladang, Tok Pelam itu benar dan mahkamah telah menjatuhkan keputusan bahawa Kerajaan Negeri terpaksa membayar kenaikan kepada RM1,300 semeter kaki persegi. Perbezaannya sebanyak RM546, satu jumlah yang begitu besar. Ini yang saya nak sebut supaya adanya pembelaan, apa jua yang kita letakkan di Enakmen Perbelanjaan Tambahan ini adanya pembelaan yang menyeluruh. Bukan sampai kepada rakyat terpaksa membawa ke mahkamah dan mahkamah yang menentukan. Sepatutnya Kerajaan lebih prihatin, lebih-lebih lagi yang melibatkan tanah-tanah strategik orang-orang Melayu di tengah-tengah bandar ini.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi yang saya mohon kita sama-sama memberikan perhatian tentang bebanan kenaikan kos yang melibatkan juga yang perlu diberikan perhatian. Yang terpaksa ditanggung oleh kebanyakan rakyat ramai dengan kenaikan kos yang mendadak kehidupan harian mereka, harga-harga barang keperluan mungkin Kerajaan Negeri boleh memantau dan melihat kenaikan kos yang terlalu tinggi, kita pergi ke mana sekarang ini semua bercakap tentang kenaikan harga ikan, kenaikan harga sayur-sayuran dan keperluan harian yang cukup-cukup membebankan terutamanya golongan miskin. Ini juga perlu diberikan perhatian dalam melaksanakan tambahan-tambahan yang begitu besar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini.

Saya rasa itulah yang dapat saya berikan secara ringkas, sekali lagilah saya mengharapkan apa jua yang kita laksanakan ini rakyat perlu kita letakkan sebagai yang teratas dan terpenting. Pembelaan kepada mereka terutamanya golongan termiskin di Negeri Terengganu ini adalah merupakan suatu tuntutan dan tanggungjawab kita bersama. Wallahua'lam, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Batu Burok. Ada lagi Yang Berhormat ingin berucap? Tidak ada Yang Berhormat, ya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar tadi perbincangan yang dikemukakan oleh dua orang ahli kita. Sekarang kita buka kepada penggulungan. Dijemput pihak Kerajaan. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Setelah saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini terhadap perkara yang dibangkitkan sebentar tadi. Yang pertama, mengenai apa yang disebut pengambilan balik tanah seolah-olah Kerajaan mengambil tanah ikut suka dia dan harga ikut suka Kerajaan. Sedangkan kita mengambil balik tanah ini berasaskan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang iaitu penilaian dibuat oleh Penilai Kerajaan.

Yang kedua, Kerajaan membuka proses pendemokrasian kepada rakyat dari segi undang-undang. Jelas disebut bahawa sekiranya tuan punya tanah tidak berpuas hati dengan harga yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan, maka mereka boleh membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi. Saya rasa Yang Berhormat Batu Buruk tahu tapi sengaja nak main politik Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Harga bukan kita tentukan, penilai yang tentukan. Kita bayar berasaskan penilaian yang dibuat. Kalau kita bayar ikut suka kita akan menjadi satu kesalahan, orang kata kita pakat pulak nak bayar lebih ke tuan tanah. Ini masalahnya, sebab itu undang-undang sebut dengan jelas, tak puas hati buat mahkamah dan kita akur dengan keputusan mahkamah. Ini proses biasa, PAS merintah nak ambil balik tanah begitu juga. Masa memerintah dia tak ambil balik tanah, ada juga. Ini masalahnya, buat-buat dok cerdik, ini masalahnya.

Yang ketiga Dato' Yang Dipertua, kita lihat bahawa penambahan ini juga perlu kerana semakin ramai anak-anak Terengganu berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti setiap tahun. Ini kita tak boleh gambarkan daripada peringkat awal berdasarkan kelulusan dari tahun semasa. Semakin banyak yang lebih bagus, semakin banyak yang kita beri biasiswa, pinjaman dan sebagainya. Nak masuk IPT, IPTS saja RM17 juta kita belanja. Yang nak masuk asrama penuh Dato' Yang Dipertua, kita bagi RM500 seorang kepada anak Terengganu. Yang dapat 5'A seluruh negara 48,000, yang nak masuk asrama penuh 8,000 orang. Tapi alhamdulillah Dato' Seri 8,000 orang ini 2,009 orang anak Terengganu, 25% anak Terengganu masuk asrama penuh Dato' Yang Dipertua. Ini satu kebanggaan kita, masuk universiti beri RM1,000 seorang kepada ijazah, diploma RM750, sijil RM500, matrikulasi RM500, tak ada negeri lain yang buat Dato' Yang Dipertua. Sebab itu tahun lebih banyak lagi hak belajar boleh masuk ke universiti dalam bidang perubatan, kita hantar ke Jerman pergi kursus Automatif Engineering. Takkan sepanjang masa kita berada di sini melantik benda yang sama, negeri kaya rakyat miskin, negeri kaya rakyat miskin. Saya tak tahulah kalau ayah Wakil Rakyat Batu

Burok dulu jutawan. Sekarang ini adakah dia dah merubah, macam Wakil Rakyat Bukit Tunggal saya rasa sama macam saya juga, anak orang kelaut, anak orang tok nyadat waktu dulu, sekarang ini dah berjaya dengan pelajaran dapat meningkatkan taraf hidup, bebas daripada kemiskinan. Takkan dulu susah, lening susah lagi. Kerajaan bersifat relatif, Dato' Yang Dipertua. Dulu miskin lain, makan ubi gadung, miskin lening ada Astro. Cuba kita fikir gok kebaikan yang dibuat oleh Kerajaan.

Yang keempat, sehingga nak bawa ke Persidangan ini kita tengok juga tadi hutang Kerajaan. Saya nak maklumkan, hutang Kerajaan dari segi air ini RM708 juta sebagaimana saya sebut tadi. Daripada RM708 juta ini dipinjam oleh Kerajaan PAS sebanyak RM142,598,620.22 masa dia memerintah. Pinjam juga Dato' Yang Dipertua, bab air ini Dato' Yang Dipertua, semua negeri pinjam untuk air ini, tak untung. Serupa pembahagian tanah, bangkit benda yang sama. Kerajaan Terengganu telah mengagihkan lebih daripada 16,000 lot tanah setakat ini. Daripada 16,000 lot tanah ini, 10,000 lot tapak rumah dalam tempoh empat tahun, 6,000 lebih tanah pertanian. Orang kampung dapat juga 2 hektar untuk tanam kelapa sawit. Kita beri peluang kepada Wakil Rakyat minta. Kerana kes 12 orang ini sibuk, bising-bangor, orang duk bagi, dia nak berlakon pulak. Kita tak beri kepada Wakil Rakyat PAS tapi beri ke syarikat milik orang PAS, Wakil Rakyat PAS juga. Orang kenal belaka Ahli Lembaga Pengarah, Dr. Sulaiman, isteri dia Wakil Rakyat PAS Ladang, 50 ekar. Dia duk bangkit duk beri ke Wakil Rakyat kita, dia beri ke syarikat, syarikat siapa dia? Kita tak beri ke Wakil Rakyat PAS tapi beri kepada koperasi, koperasi siapa dia? Habis tanah-tanah Kerajaan yang mahal nilai dia beri kepada koperasi dia, Koperasi PAS. Tapak mahkamah beri ke dia, tapak hak molek-molek beri ke dia. Pada hal UMNO memerintah berpuluh tahun tak ambilpun tanah untuk penggunaan Kerajaan. Kita boleh juga tubuh koperasi, Koperasi UMNO ke, koperasi apa pun untuk orang UMNO. Ini kegunaan Kerajaan dia ambil kesempatan. Kita ambil balik, dia bayar RM900,000 kita bayar balik ke dia RM5 juta hingga RM6 juta atas kepentingan Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Syarikat UMNO Jasa Bakti berapa ratus ekar, berapa ribu ekar? Baham balak buat kebun kelapa sawit, tanah hak itu pun habis dia rampas.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Beginilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kena panas selalu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan soal panas Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ini di bulan-bulan puasa ni cakap relax saja tapi saya cakap fakta. Hanya satu syarikat yang melibatkan ada seorang Wakil Rakyat PAS duduk sama dalam itu kerana dia nak memajukan tanah limau madu. Dia nak memajukan limau madu pada waktu itu terbuka, orang lain takmboh, dia minta dapat biasalah itu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita tak bagi atas dasar individu. Kalau nak sebut Syarikat UMNO, nak sebut Kopersai UMNO saya ada banyak senarai, kalau nak saya sebut bagi peluang kepada saya sebut lepas pada ini. Saya akan buat *search* boleh sebut. Tapi hak Jasa Bakti tadi berapa ratus, berapa ribu ekar menjadi ladang kelapa sawit dan balak dia baham.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, cukuplah. Kita kena berbilion Dato' Yang Dipertua pasal balak ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduk giliran saya pulak ni, ikut giliranlah, batton lari berganti-gantikan. Hak awak batton lepas dah giliran sayalah pulak berlari bawa batton.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Batton kita terlucut.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dok terlucut-lucutpun, molek-molek ada. NEP cuba royat Dato' Yang Dipertua, NEP banyak mana? Paku dulang paku serpih, kata ke orang kita yang lebih. Panas pulak kekgi tu(Dewan tepuk)....

Dato' Yang Dipertua, di bahagian balak kita kena sama berbilion Dato' Yang Dipertua. Bilion! Cuba kita fikir. Dan saya nak bagi tahu lagi Dato' Yang Dipertua, ADUN Batu Burok bangkit tak pernah berlaku dalam sejarah tanah Kerajaan dilelong. Saya nak jelaskan, tanah ini kita telah beri kepada satu pemaju. Dan dengan kita telah selesai, dia telah selesai bayaran tanah itu pada kita, cuma proses tukar hak milik belum berlaku. Dia dah bayar kita RM2.5 juta kepada Lembaga Tabung. Tapi bila tanah itu tidak sempat kita serah kepada dia dilelong dengan bangunan-bangunan sekali dan orang sambut lelong. Kita tak rugi apa-apa. Sebab tu saya sebut Dato' Yang Dipertua, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Duduk dulu(Y.B. Batu Burok berdiri).... Sabar-sabar, giliran kita pulak ni, Allah! Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Kata dulang paku serpih, kata ke orang kita yang lebih. Kuman di lautan nampak, gajah di depan tak nampak, semut di seberang lautan nampak lagi. Sejarah paling hitam berlaku zaman pemerintahan PAS Dato' Yang Dipertua, kita boleh balik duit kita tanah kita RM2.5 juta. West Wharf kita buat dengan harga RM85 juta. RM85 juta West Wharf kita buat, zaman PAS dia lelong RM16 juta sahaja dan orang sambut. *Nehi babuje he*, Dato' Yang Dipertua(Dewan tepuk).... Sebab itu saya kata, kita tunjuk orang sejari Dato' Yang Dipertua, empat jari mari kita. Sikit-sikit rampas tanah, ambil balik tanah rakyat, kita ambil demi kepentingan rakyat, demi kepentingan negeri. Beritahu kenapa tabung tak ambil balik tanah, Tabung Warisanlah hak ambil balik tanah ini. Dalam bandar ini semua Tabung Warisan. Kita ada perancangan, SEDC akan buat pembangunan, Yayasan Islam akan buat pembangunan. Jadi oleh kerana galeri ini ada Pemerhati nak beri syarahan cara kampung, cakap sedap Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Minta penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita duduk dulu, tak apalah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih banyak-banyak bulan puasa yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua, saya di Dewan ini saya bercakap berpandukan kepada dokumen yang saya terima mengenai tanah yang berlaku di Kertih. Jadi saya minta kalau boleh saya nak serah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dokumen ini, Lelongan Awam Tanah Milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, tahun

1997, tanah ini ditandatangani oleh Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad. Ada perjanjiannya Dato' Yang Dipertua. Jadi jangan cakap dok berapa cerdik sikit, biar cerdik sikit kita sama-sama dalam Dewan ini, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Serahkan kepada

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya rasa cerdik saya daripada Yang Berhormat Batu Burok(Dewan tepuk)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bentara.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takpe-takpe, itu undang-undang tanah. Dia tak kerja di bahagian tanahpun Dato' Yang Dipertua, undang-undang tanah dok tahu, seksyen berapa, seksyen berapa. Tak, ini betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila serahkan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya bukan cakap baham rambang Dato' Yang Dipertua, saya jawab dah tadi. Tanah ini tanah Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu diberi kepada satu pemaju. Pemaju itu telah bayar RM2.5 juta tapi proses pindah milik pemaju belum dapat dilaksanakan, nama aje nama kita lagi, tapi harta orang kalau ikut dari segi Faraid dari segi hukum ini hak orang dah. Kita ADO Tanah, tanah itu kerja kita.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tanya spesifik Yang Berhormat. Tanah ini milik siapa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Lembaga Tabung! Dah betullah, dari segi Kerajaan dia dah bayar kepada kita dah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Itu hal lain. Tanah ini milik Kerajaan Negeri. Legality dari segi undang-undangnya tanah ini milik Kerajaan Negeri bukan milik individu, dilelong tanah Kerajaan Negeri. Dok reti lagi ke? Minta maaf.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Betul, kita faham. Bakpe dok retinya. Kita dok berapa cerdik. Mu tahu dok undang-undang Islam guana kalau tanah orang kita

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini tanah negeri, dah betullah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya khabor dah, dia bayar dah RM2.5 juta.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Itu hal lain.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Lain-lain, ikut pandai mu lah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tanah ini dilelong adalah atas nama Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok. Kita faham di sini. Sila duduk. Saya pun faham.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita faham, kita dok rugi apa-apapun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, saya ingat sekejap Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita faham sebab, saya nak menjelaskan kepada Dewan ini Yang Amat Berhormat bahawa perkara tadi diulas sedikit saya benarkan jika perlu tadi dan Yang Amat Berhormat mengulas. Jadi kalau nak lok (biarkan) kepada Batu Burok takut tak habis. Jadi kita semua faham bahawa setiap perkara berkenaan khusus yang dibangkitkan oleh Batu Burok

dijawab oleh Yang Amat Berhormat tadi dan mengenai status tanah itulah dalam perjanjian, maksudnya dibangunkan oleh pemaju dengan perjanjian tertentu dan pihak pemaju telah memberi balasan kepada Lembaga Tabung Warisan yang mewakili pihak Kerajaan Negeri itu sepenuhnya. Sebab itu kalau nak tengok dalam Geran memang namanya begitu tetapi perjanjiannya

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan. Saya mempunyai dokumen yang dihantar kepada saya dokumen yang lengkap daripada A sampai Z tanah ini milik Kerajaan Negeri Terengganu dilelong oleh bank atas nama Kerajaan Negeri Terengganu. Dokumen ini dihantar kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat dengar tak apa kata saya, duduk dulu. Susahlah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, dia begini, saya rasa payah Batu Burok ni. Ibarat kahwin dah, cuma tak daftar lagi. Bini dia dah. Jadi tanah ini tanah orang dah, kita dah jual cuma tak tukar nama aje lagi. Dari segi undang-undang betullah tapi orang dah bayar pada Tabung Warisan dah RM2 juta lebih. Kita dah jual dan dia dah bayar. Jadi dari segi atas kertas memanglah tanah Tabung Warisan tapi dari segi hakikatnya hak orang dah, jual beli dah berlaku semua dah. Legal betullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah. Saya tak benarkan perbahasan dah. Yang Berhormat, duduk-duduk. Sila duduk. Saya jelaskan ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya kira dari sudut undang-undang, bukan technicality.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat faham tak, saya suruh duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, undang-undang pun, Parti Islam kita tengok dari segi hukum Islam retek. Jangan buat *straight* begitu, betul dah Yang Amat Berhormat sebut tadi. Cerdik dia pada hak ni eh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sekalian, saya jelaskan ni sedikit sebab saya duduk di sini ni macam Ahli-ahli, Ketua Jabatan, Pemerhati juga yang kita tidak ada dokumen, tak perlu kita pusing-paring, kita faham dengan penjelasan yang diberi. Sila Yang Amat Berhormat. Teruskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya takmbah panjang, saya dah kata dah dengan jelas saya sebutkan tadi bayaran dan sebagainya tadi. Jadi tak payah bincanglah dalam Dewan ni, kebetulan pakar pun ada di sebelah sana, Wakil Ladang pun ada. Saya ingat Batu Burok tanya Wakil Ladanglah lepas ni. Di samping itu saya nak beritahu. Nak habis dah Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh jelas sikit Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak diberi Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nak habis dah ni, takmbah beri dah. Saya nak perhabis dah Dato' Yang Dipertua. Bahawa kita melakukan ini semua adalah demi kepentingan rakyat, bukan nak tipu siapa-siapa Dato' Yang Dipertua. Sebab tu saya katakan tadi bahawa dari segi hutang, dari segi apa tapi saya kecewalah Wakil Batu Burok ini cakap benda yang sama setiap kali Dewan benda yang sama dan memutar belitkan pada yang sama. Rampas tanah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon ditarik balik. Apa yang saya putar belit ni? Saya bagi satu dokumen yang lengkap pada Yang Amat Berhormat untuk tengok balik apa yang saya putar belit. Saya pohon penjelasan daripada Dato' Yang Dipertua untuk buat ruling dalam hal ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Putar belit hak lainlah kes ambil balik tanah. Ini nak pusing hak ni pulak. Tak apalah. Kita tahu jugak. Sebab itu saya kata tadi

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Isu dia bukan saya pusing, isu ini isu spesifik.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah, duduk dulu duduk, duduk. Saya tak benar, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, tidak diberi Yang Berhormat. Selesaikan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu saya kata tadi dari segi tanah ini saya rasa cerdik sayalah sebab saya kerja hal tanah. Sebab itu saya nak maklumkan juga bahawa apa yang dilakukan oleh PAS semasa pemerintahannya, RM85 juta West Wharf dilelong. Kita keluar belanja ni. Tanah tadi tak keluar belanja, tanah ini orang bayar dah. Dia sebut tadi: "pertama kali dalam sejarah", amboi sedap. Kalau kita tak jawab orang dengar, ya sungguh Kerajaan Negeri begini. Ini kita jawablah ni jadi rakyat kena tahu, RM85 juta kos kita buat West Wharf dilelong zaman PAS dengan harga RM16 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jelas sikit Yang Amat Berhormat West Wharf itu apa dia?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: West Wharf ini di Kemaman, Dato' Yang Dipertua. Dekat Pelabuhan Kemaman (KSV), tepi jalan tu. Kalau nak buat sekarang kos dia lebih kurang RM300 juta. Dilelong di zaman PAS.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya minta penjelasan Yang Amat Berhormat. Saya minta penjelasan. Saya ingatlah, yang saya ingat kita tak pernah timbul soal West Wharf ni. Waktu kita Kerajaan kita tak pernah timbul terlibat dengan apa-apa. Memang betul dia tu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat minta penjelasan. Sila minta penjelasan sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta penjelasanlah ni, Allah Yang Berhormat pun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta penjelasan Yang Amat Berhormat jawab. Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat, sila minta penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi sekarang ini saya akan *check* balik tetapi itu tidak berlaku sewaktu pemerintahan kita. Kita tak tahu macam mana boleh berlaku begitu saya akan *check* balik. Jadi jangan cuba nak putar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan nak putar Dato' Yang Dipertua, perkara ini berlaku semasa zaman PAS. Boleh *check* baliklah, boleh *check*, tak ada masalah. Kita hidup belaka insyaAllah panjang umur, tengok esok kita *check* balik. Zaman Pas dilelong dan disambut oleh Road Builder RM16 juta, *check* balik(tepukan sokongan oleh Dewan).... *Peyloley* jugak nampaknya(Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selesai Yang Amat Berhormat ya. Selesai, yalah. Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu saya minta kita berhati-hati dalam berucap. Kita dirakam sebenarnya ni. Kertas Persidangan seperti ini sampai didokumenkan dan akan jadi dokumen untuk rakyat akan datang. Sebab itu saya minta kalau boleh biarlah tertib dan berperaturan, ya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar penggulungan dan juga perbahasan sebentar tadi. Sekarang saya buka untuk undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN
TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2012 DAN

BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2012 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2012 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2012**.

Sebelum tanggahan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengambil perhatian Dewan iaitu marilah kita sama-sama mendedekahkan Al-Fatihah kepada kekanda kepada salah seorang Ahli Dewan kita, Yang Berhormat Permaisuri yang bernama Awang Nor bin Jusoh yang telah pulang ke Rahmatullah pada sebentar tadi dan Yang Berhormat telah memaklumkan kepada saya. Mudah-mudahan kita mendoakan pemergian arwah Allahyarham akan dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama golongan orang-orang yang soleh oleh Allah S.W.T., insyaAllah. Al-Fatihah. Terima kasih.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas ucapan tangguhan sebentar tadi. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan pada kali ini pertamanya, saya jangkakan sidang kita berlarutan sampai petang. Tapi nampaknya dapat selesai lebih awal, jadi saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua ahli sidang, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, juga kepada hadirin di atas kejayaan dan juga kesempurnaan sidang kita pada pagi ini dengan rasa syukur. Alhamdulillah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mari kita berdoa mudah-mudahan kita diberkati Allah S.W.T. dan diberi rahmat olehnya dengan kesihatan yang baik, sihat walafiat dan mendapat pahala kebajikan yang besar dan berganda. Dan mudah-mudahan dengan keadaan sihat doa kita di bulan Ramadan Al-Mubarak ini, berkat dengan sihat tubuh badan itu memanjangkan umur kita dan membolehkan kita berjumpa lagi dalam sidang yang akan datang. Kalau ditakdirkan tidak sempat sidang, ada Pilihan Raya dahulu pun, Pilihanraya Umum, maka kita doakan semoga kita semua diangkat semula ke Dewan Undangan Negeri ini. Terima kasih, insyaAllah.

Jadi dengan kata-kata itu sebelum kita tangguhkan mesyuarat kita ini marilah kita ramai-ramai dengan ikhlas kita baca Surah Al-'Asr. Mudah-mudahan penyuraian kita ini mendapat berkat Allah S.W.T. InsyaAllah.

Dengan itu saya tangguhkan sidang kita. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.20 TENGAH HARI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Projek Jalan Keruak Gunung Bongsu/Aring, Gua Musang telah dilaksanakan oleh kerajaan, bilakah projek ini siap dan berapakah jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah bagi membangunkan Zoo Bukit Takal, Kemaman dan nyatakan jenis binatang yang dibeli serta harganya ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) & 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah penagih tegar di Terengganu bermula Januari 2012 sehingga Julai 2012.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (2) (h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapa ramaikah pelajar Terengganu berjaya ke IPTA dan IPTS sepanjang Januari 2012 sehingga Julai 2012 mengikut pecahan Daerah.

JAWAPAN : Jumlah pelajar Terengganu Berjaya ke IPTA dan IPTS sepanjang Januari 2012 sehingga Julai 2012 mengikut pecahan daerah seluruh Negeri Terengganu:-

	<u>IPTA</u>	<u>IPTS</u>
1. Besut	1534	405
2. Setiu	1148	453
3. Dungun	1096	389

4.	Kemaman	1040	484
5.	Hulu Terengganu	883	269
6.	Marang	1408	452
7.	Kuala Terengganu	1722	673
		=====	=====
		8831	3125
		=====	=====

SOALAN 3 : Berapakah jumlah rakyat Terengganu yang meninggal dunia akibat penyakit kanser bermula Januari 2012 sehingga Julai 2012 mengikut jenis kanser.

JAWAPAN : Bersama ini disertakan senarai kematian kanser mengikut jenis di hospital-hospital kerajaan di Negeri Terengganu Januari hingga Jun 2012. Data-data kematian akibat kanser yang mati atau meninggal di rumah ataupun di luar hospital Kerajaan Negeri Terengganu tiada dalam rekod jabatan. Manakala data bulan Julai 2012 masih dalam proses pengumpulan. [Sebagaimana lampiran disertakan].

**SENARAI KEMATIAN KANSER MENGIKUT JENIS
DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN DI NEGERI TERENGGANU**

Bil.	Penyakit	Jenis Penyakit Kanser	Kod ICD	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	TOTAL
1.	Malignant Neoplasms of Lip, Oral Cavity & Pharynx (3 kematian).	Malignant Neoplasms of Lip, Oral Cavity & Pharynx (Kanser Bibir, Mulut & Faring).	C00-C14	2	-	-	1	-	-	3
2.	Malignant Neoplasms of Digestive Organs (22 kematian)	Malignant Neoplasms of Oesophagus (Kanser Esophagus).	C15	-	-	2	-	-	-	2
		Malignant Neoplasms of Stomach (Kanser Perut).	C16	-	2	-	-	-	-	2
		Malignant Neoplasms of Colon (Kanser Usus).	C18	-	-	2	-	-	-	2
		Malignant Neoplasms of Rectosigmoid Junction, Rectum, Anus and Anal Canal (Kanser Usus Besar).	C19-C21	-	1	-	1	-	-	2
		Malignant Neoplasms of Liver and Intraphepatic Bile Duct. (Kanser Hati dan Saluran Hempedu).	C22	-	1	1	1	1	-	4
		Malignant Neoplasms of Pancreas (Kanser Pankreas).	C25	-	1	-	-	-	-	1
3.	Malignant Neoplasms of Respiratory & Intra-thoracic Organs (16 kematian).	Malignant Neoplasms of Trachea, bronchus & lung. (Kanser paru-paru & saluran pernafasan).	C33-C34	1	3	3	2	-	1	10
		Remainder of Malignant Neoplasms of respiratory & intrathoracic organs (Kanser lain di sistem pernafasan dan bahagian torak).	C30-C31, C35-C39	-	-	3	2	-	1	6
4.	Malignant Neoplasms of Bone, Connective Tissue, Skin and Breast (14 kematian).	Malignant Neoplasms of mesothelial and soft tissue. (Kanser mesothelial dan soft tissue).	C45-C49	-	-	-	-	1	1	2
		Malignant Neoplasms of Breast. (Kanser Paru-paru).	C50	-	4	2	-	1	-	7
		Remainder of Malignant Neoplasms of Bone, Connective Tissue, Skin And Breast. (Lain-lain kanser tulang, kulit dan payudara).	C42	-	-	2	-	2	1	5
5.	Malignant Neoplasms of Genital Organs & Urinary Tract (8 kematian).	Malignant Neoplasms of Cervix Uteri (Kanser Serviks).	C53	-	-	-	-	1	-	1
		Malignant Neoplasms of Bladder (Kanser Pundi Kencing).	C67	1	1	1	-	1	-	4
		Remainder Malignant Neoplasms of Genital Organ and Urinary tract. (Lain-lain kanser Saluran urinary dan organ jantina).	C57, C60, C62-C66, C68	-	1	1	-	1	-	3

Bil.	Penyakit	Jenis Penyakit Kanser	Kod ICD	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	TOTAL
6.	Malignant Neoplasms of Thyroid & other Endocrine Glands (2 kematian).	Malignant Neoplasms of Thyroid and other Endocrine glands (Kanser Thyroid dan lain-lain kelanjar endokrin).	C73-C75	-	-	2	-	-	-	2
7.	Malignant Neoplasms of Ill-defined, secondary and unspecified sites. (1 kematian).	Malignant Neoplasms of Ill-defined, secondary and unspecified sites. (Lain-lain kanser yang tidak diketahui tempat asal).	C76-C80	-	-	-	1	-	-	1
8.	Malignant Neoplasms of Lymphoid, haematopoietic and Related tissue (8 kematian).	Non-Hodgkin's malignant lymphoma Leukaemia. Remainder of Malignant Neoplasms of Lymphoid, haematopoietic and Related tissue. (Lain-lain kanser lymphoid dan darah).	C82-C85 C91-C95 C86-C90,C96	- 1 -	- 3 -	1 - 1	- - -	- - -	1 - 1	2 4 2
9.	Benign Neoplasms (1 kematian)	Remainder of Benign Neoplasms. (Lain-lain kanser/ketumbuhan yang Benign).	D10-D21, D26-D36	-	1	-	-	-	-	1
10.	Neoplasms of Uncertain or Unknown Behavior (8 kematian).	Neoplasms of Uncertain or Unknown Behavior. (Kanser yang tidak diketahui sifatnya).	D37-D48	4	1	-	2	-	1	8
		TOTAL		9	19	27	12	9	7	83

Sumber: Rekod Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Apakah kriteria yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri Terengganu di dalam memberi Bantuan Khas Penyakit Kronik dan berapa lamakah masa yang diambil untuk memproses satu-satu permohonan. Sila senaraikan jumlah yang telah diluluskan semenjak 2008 mengikut pecahan daerah, jenis penyakit dan jumlah kewangan yang terlibat?

JAWAPAN : Kriteria yang digunapakai dalam memberikan bantuan khas ini ialah seperti berikut:-

- 1.1 Keutamaan permohonan daripada rakyat Negeri Terengganu atau menetap lebih 10 tahun dan mendapat sokongan pemimpin masyarakat.
- 1.2 Kakitangan Kerajaan dan pesara tidak layak memohon kerana telah diberi kemudahan di bawah Perintah Am Bab F dan tambahannya SSB Pekeliling Perkhidmatan 9/91 kecuali mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Tabung Bantuan Kronik.

- 1.3 Jawatankuasa Pengurusan Tabung Bantuan Penyakit Kronik hanya akan mempertimbangkan permohonan untuk bantuan perubatan hospital swasta atau di luar negara setelah mendapat sokongan Pakar Perubatan tempatan dari Hospital Kerajaan sekiranya rawatan itu mempunyai peluang untuk sembuh adalah cerah.
- 1.4 Pembayaran bantuan hanya dibuat kepada pembekal/hospital/klinik dan bukan kepada pemohon.
- 1.5 Pembayaran Elaun Sara Diri bagi pesakit dan satu orang pengiring bergantung kepada pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Tabung mengenai bentuk dan jumlah bantuan.
- 1.6 Semua permohonan perlu dikemukakan pandangan dan surat sokongan daripada pengamal perubatan yang mengesahkan penyakit dan bentuk bantuan yang diperlukan.
- 1.7 Jumlah dan had maksimum pembiayaan adalah bergantung kepada pandangan Pakar Perubatan dan persetujuan Jawatankuasa Pengurusan Tabung.
- 1.8 Dalam keadaan tertentu dan munasabah Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tabung Bantuan Kronik bolehlah dengan budi bicara dan pertimbangan meluluskan segera bantuan dalam kadar yang berpatutan dan munasabah.

2. Senarai dan jumlah bantuan yang diluluskan bermula tahun 2010 hingga April 2012 ialah seperti berikut:-

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
KUALA TERENGGANU	JANTUNG	210,499.17	160
	BUAH PINGGANG	98,832.78	93
	KANSER	108,321.80	110
	LAIN-LAIN	74,620.92	89
	JUMLAH:	492,274.67	452

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
MARANG	JANTUNG	98,912.66	65
	BUAH PINGGANG	89,141.78	52
	KANSER	83,038.44	35
	LAIN-LAIN	73,010.46	32
	JUMLAH:	344,103.34	184

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
DUNGUN	JANTUNG	70,741.72	30
	BUAH PINGGANG	83,494.48	48
	KANSER	49,978.97	49
	LAIN-LAIN	58,094.14	42
	JUMLAH:	262,309.31	169

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
KEMAMAN	JANTUNG	55,635.32	40
	BUAH PINGGANG	123,609.20	86
	KANSER	86,976.49	51
	LAIN-LAIN	63,240.15	43
	JUMLAH:	329,461.16	220

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
HULU TERENGGANU	JANTUNG	60,757.50	40
	BUAH PINGGANG	85,505.00	35
	KANSER	49,978.92	26
	LAIN-LAIN	47,530.80	32
	JUMLAH:	243,772.27	133

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
BESUT	JANTUNG	88,381.00	46
	BUAH PINGGANG	74,000.00	33
	KANSER	43,957.94	23
	LAIN-LAIN	52,469.20	25
	JUMLAH:	258,808.14	127

DAERAH	JENIS PENYAKIT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PERMOHONAN
SETIU	JANTUNG	85,909.79	31
	BUAH PINGGANG	98,348.72	39
	KANSER	56,000.00	25
	LAIN-LAIN	78,759.85	35
	JUMLAH:	319,018.36	130

- Tempoh masa yang diambil untuk memproses setiap permohonan adalah sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Mengapakah Syarikat Air Terengganu (SATU) belum migrasi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan apakah perancangan SATU bagi menjamin bekalan air tidak terganggu di Negeri ini khususnya di Daerah Kuala Terengganu.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila nyatakan nama-nama sekolah yang telah dikeluarkan tender bagi pembinaan bangunan blok gantian baru dan bangunan blok tambahan baru pada tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010 tetapi dibatalkan pembinaannya dan jumlah kos yang terlibat di seluruh negeri mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Apakah perkembangan pelaburan RM2 juta untuk kajian tanaman industri ubi gadong di negeri ini setakat ini.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Sila nyatakan bilangan kes keganasan rumah tangga di negeri ini dari tahun 2000 hingga Jun 2012 mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(b) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Sila nyatakan jumlah pelajar dalam dan luar negara yang telah ditarik balik pinjaman dan tajaan pembiayaan oleh Yayasan Terengganu dari tahun 2005 hingga kini dan nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Bilakah kerja-kerja permulaan untuk cadangan pembinaan Pusat Penulisan Jawi yang dicadangkan di Kampung Buloh Kuala Berang akan mula dilaksanakan ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sejauh manakah langkah telah dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah jalan terputus hubungan antara Kuala Berang – Ajil apabila berlaku musim banjir ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan kerajaan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam di Empangan Tasir Kenyir dan Kawasan Bebas Cukai di Hulu Terengganu ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Kemalangan jalan raya didapati sering berlaku di Hulu Terengganu sejak akhir-akhir ini. Sila nyatakan jumlah kemalangan mengikut bulan mulai Januari 2012 hingga sekarang. Apakah punca-punca berlakunya kemalangan dan usaha-usaha kerajaan mengatasi masalah ini ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Didapati jualan arak dan minuman yang memabukkan di Hulu Terengganu tidak berjaya di tangani oleh beberapa agensi-agensi kerajaan dengan alasan-alasan tertentu. Ini telah menimbulkan kegelisahan rakyat di Kuala Berang khususnya kerana melihat ramai anak muda terutamanya yang mabuk kerana minuman itu mudah didapati dan dijual secara terang-terangan tidak diambil tindakan oleh agensi-agensi tertentu. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Kampung Losong terkenal dengan industri keropok. Apakah perancangan kerajaan untuk memajukan lagi industry keropok di kawasan ini.

JAWAPAN : 1. Di antara perancangan kerajaan bagi memajukan industri tersebut adalah sepertimana berikut:

- i. Penyediaan tempat letak kereta yang lebih luas terutama untuk kenderaan seperti bas, coaster, kereta dan sebagainya.
- ii. Penstrukturan kawasan pengusaha keropok yang lebih teratur dengan penyediaan premis yang lebih kemas dan bersih yang mempunyai system saliran yang mengikut spesifikasi tempat pemerosesan makan yang mengikut standard piawaian Jabatan Kesihatan.
- iii. Penyediaan kawasan atau premis sama ada dalam bentuk restoran atau gerai yang lebih banyak kawasan tersebut agar membolehkan pelancong atau masyarakat tempatan yang datang ke kawasan berkenaan boleh menjamu selera dengan hidangan keropok segar dan panas selain daripada dibungkus untuk dibawa pulang.

- iv. Membantu promosi dengan lebih meluas kawasan keropok Losong dengan pelbagai saluran media sama ada media cetak atau media elektronik serta mengadakan banting, flyer, signboard, billboard dan lain-lain termasuk mengadakan beberapa siri program umum bagi menggalakkan orang ramai berkunjung di kawasan berkenaan.
 - v. Di samping itu juga program pendedahan dan kesedaran pengurusan dan pengendalian pemerosesan makanan perlu ditingkatkan bagi membentuk dan mendidik pengusaha di kawasan berkenaan agar mengendalikan perniagaan mereka dengan lebih teratur, bersih dan cekap serta mesra pelanggan.
 - vi. Mereka juga akan dibimbing dan diaturkan bagi mewujudkan rangkaian perniagaan yang lebih lengkap dan sistematik bermula daripada pembekal bahan mentah sehingga mewujudkan rangkaian pemasaran mereka.
2. Pada tahun 2005, kerajaan telah memberi bantuan dalam bentuk menyediakan dan memberikan papan tanda (signboard / signage) kedai dan pembungkusan keropok kepada pengusaha di kawasan tersebut.

SOALAN 2 : Apakah status Kawasan Bebas Cukai Kenyir. Apakah Kerajaan Pusat ada memberi apa-apa insentif / geran untuk pembinaan Kawasan Bebas Cukai ini.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26 (2)(h)** dan **26 (6)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sila nyatakan kos pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk setiap projek mengikut daerah sejak tahun 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26 (4A)(a)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF
WAKIL KOTA PUTERA

SOALAN 1 : Berapa peratuskah golongan wanita sebagai penjawat "Pegawai Tadbir" di dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu sekarang, jika dibanding dengan golongan lelaki.

JAWAPAN : Peratus penjawat jawatan Pegawai Tadbir Negeri dikalangan wanita di dalam Pentadbiran Negeri Terengganu sekarang adalah 14.58%.

SOALAN 2 : Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memelihara kebersihan alam sekitar di pulau-pulau dalam Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri melalui beberapa agensi seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Taman Laut, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah yang telah diberi peranan masing-masing untuk menjaga kebersihan alam sekitar di pulau-pulau di Negeri Terengganu.

Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Di bawah akta ini terkandung Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, yang telah dikuatkuasakan bermula 1 April 1988. Di bawah Perintah tersebut, segala cadangan projek

pemajuan kemudahan-kemudahan pelancongan atau rekreasi di pulau-pulau dalam perairan yang diwartakan sebagai Taman Laut Negara, memerlukan kepada penyediaan laporan penilaian terperinci kesan kepada alam sekeliling (EIA) sebelum projek tersebut dilulus dan dilaksanakan. Laporan ini akan mengenalpasti punca-punca pencemaran yang akan berlaku akibat dari pelaksanaan projek tersebut serta langkah-langkah kawalan yang dicadangkan bagi mengurangkan kesan pencemaran ke atas alam sekitar. Penguatkuasaan ke atas projek yang tertakluk kepada EIA tersebut dan pematuhan syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu adalah bertujuan untuk mengawal punca-punca pencemaran alam sekitar berdasarkan peringkat pelaksanaan projek seperti berikut:

i. Peringkat pra-pembangunan

Aktiviti pembersihan dan pembukaan kawasan serta aktiviti kerja tanah akan menyebabkan pencemaran kualiti air marin.

ii. Peringkat pembinaan

Pencemaran bunyi bising dan gangguan trafik tongkang pengangkut bahan-bahan binaan.

iii. Peringkat operasi

Pencemaran kualiti air marin berpunca daripada air kumbahan dan air kotoran dapur, penghasilan sisa minyak terpakai dari penggunaan janakuasa dan bot-bot pelancong.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu juga telah mengambil tindakan undang-undang ke atas pengusaha resort yang gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 kerana tidak menyimpan minyak-minyak terpakai yang dikategorikan sebagai buangan terjadual mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan di bawah peraturan tersebut. Tindakan mahkamah juga telah diambil ke atas beberapa pengusaha resort pelancongan yang sedang beroperasi di pulau-pulau yang telah diwartakan sebagai Taman-taman Laut Negara di perairan Negeri Terengganu ini atas kesalahan tidak mendapat kelulusan laporan EIA, sebelum pembinaan dimulakan dan juga tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan laporan EIA.

Selain dari lawatan penguatkuasaan secara berkala, Program Pengawasan Dan Pemantauan Kualiti Air Marin juga dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan kualiti air marin di sekitar perairan pulau-pulau ini tidak tercemar.

Di samping tindakan undang-undang ke atas pengusaha resort pelancongan dan program pengawasan dan pemantauan secara berkala ke atas kualiti air marin di kawasan pulau-pulau ini, Jabatan Alam Sekitar dengan bantuan kewangan dari Kerajaan Negeri juga menjalankan Kempen Kesedaran Alam Sekitar dari masa ke semasa kepada murid-murid sekolah, penduduk-penduduk pulau dan pengusaha resort/chalet yang beroperasi di pulau-pulau Taman Laut.

Selain itu, Jabatan Taman Laut Malaysia juga telah mengadakan beberapa siri program kesedaran awam di pulau-pulau yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti Program Kebersihan Dasar Laut dan Bersih Pantai. Program ini merupakan program

tahunan bagi jabatan di mana ia merupakan program kerjasama dengan Kerajaan Negeri Terengganu. Pada awal tahun, program ini telah dimulakan di Pulau Perhentian dengan penyertaan lebih 50 orang sukarelawan dari pelbagai agensi dan Badan Bukan Kerajaan seperti APMM, Polis Marin dan NGO.

Pada 18 Julai 2012 yang lalu juga, satu program bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zool Azha bin Yusof dan Komander Marin Datuk Isa Munir telah bersama-sama menjayakan Program Pembersihan Dasar Laut di Pulau Perhentian. Ia melibatkan lebih 70 orang anggota Polis Marin dan Jabatan Taman Laut Malaysia dalam mengadakan selaman membersihkan dasar laut.

Program yang sama juga diadakan di Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Tenggol dan dijangka akan diadakan selepas hari raya aidilfitri. Di dalam program ini, selain daripada pemangsa terumbu karang iaitu Mahkota Berduri, para penyelam dan peserta akan mengutip sampah di dalam air dan darat dan seterusnya dilupuskan dengan menghantar ke darat.

Sekurang-kurang 4 program utama diadakan di setiap pulau dan lebih 10 program kecil bagi pulau-pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut yang dianjurkan oleh organisasi luar bersama Jabatan Taman Laut. Menjadi rutin kepada anggota Jabatan Taman Laut Negeri Terengganu untuk membuat selaman dan membersihkan pukuk-pukuk yang tersangkut di kawasan karang. Usaha ini juga disambut baik oleh pengusaha-pengusaha selaman di pulau-pulau kerana mereka mempunyai kesedaran untuk menjaga kawasan ini bersama yang merupakan kawasan periuk nasi mereka dan juga khazanah Negara.

Selain itu juga, terdapat program bersama pelajar-pelajar sekolah dan agensi kerajaan dan swasta melalui Program Penghayatan Taman Laut di mana salah satu elemen yang diterapkan dalam program ini adalah modul 'Marine Debris'. Di dalam modul ini, peserta akan didedahkan tentang kesan bagi setiap sampah kepada alam sekitar dan seterusnya melupuskan sampah-sampah yang telah dikutip. Pada tahun lepas sekurang-kurangnya 40 program telah diadakan di Pulau Perhentian dan Redang bagi program di atas. Bagi setiap Pusat Taman Laut di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, pihak jabatan telah melantik kontraktor untuk membuat kerja-kerja pembersihan setiap hari.

Pihak jabatan juga membuat pemantauan kualiti air di semua pulau-pulau Taman Laut. Terdapat sebanyak 43 'Sampling Point' untuk air marin dan 16 lokasi untuk air sungai.

Pecahan lokasi adalah seperti jadual dibawah:

PULAU	LOKASI AIR MASIN	LOKASI AIR SUNGAI	JUMLAH
Pulau Perhentian	8	10	18
Pulau Lang Tengah	2	-	2
Pulau Redang	6	6	12
Pulau Yu Kecil dan Yu Besar	2	-	2
Pulau Kapas	5	-	5
Pulau Tenggol	3	-	3
Pulau Nyireh	1	-	1
Jumlah	27	16	43

Pemantauan kesihatan terumbu karang juga diadakan dengan kerjasama NGO. Melalui kaedah Reef Check, status semasa terumbu karang di pulau-pulau dapat dipastikan. Sebanyak 35 lokasi pemantauan bagi pulau telah dipilih.

Pulau	Jumlah Lokasi
Pulau Perhentian	11
Pulau Redang	12
Pulau Yu Kecil dan Yu Besar	2
Pulau Kapas	6
Pulau Tenggol	4
Jumlah	35

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah premis yang telah dikeluarkan sijil halal oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : Jumlah premis yang telah dikeluarkan sijil halal Malaysia oleh Negeri Terengganu mengikut skim pensijilan halal dan daerah mulai 1 Januari 2012 hingga 30 Jun 2012 adalah sebagaimana berikut:

Nama Skim Persijilan Halal	DAERAH							JUMLAH
	Besut	Dungun	Hulu Trg.	Kemaman	Kuala Trg.	Marang	Setiu	
Produk Makanan/ Minuman/Makanan Tambahan	-	-	-	-	4	1	-	5
Barang Gunaan	-	-	-	-	-	-	-	-
Premis Makanan	1	2			9			12
Rumah Sembelih	-	-	-	-	-	-	-	-
Farmaseutikal	-	-	-	-	-	-	-	-
Kosmetik dan Dandanan Diri	-	-	-	-	-	-	-	-
Logistik	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	1	2			13	1		17

1. Mulai 1 Mac 2012 semua permohonan pensijilan halal Malaysia bagi Negeri Terengganu telah menggunakan e-halal atau secara "on-line" suatu sistem yang telah dibangunkan dan digunakan oleh Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sehingga kini lapan (8) buah negeri seperti Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah telah menjalankan pensijilan halal secara 'on-line' ini dan dijangkakan semua negeri akan menerimapakai sistem ini pada tahun ini.
2. Pensijilan halal Malaysia adalah tidak diwajibkan dan permohonan adalah terbuka kepada semua pengusaha sama ada Islam atau bukan Islam. Semua permohonan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang terdapat dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.
3. Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 11 Julai 2011 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012; Melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menamakan JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) masing-masing menjadi pihak Berkuasa berwibawa untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal.
4. Melalui perintah ini, hanya JAKIM dan MAIN sahaja yang boleh mengeluarkan sijil dan membenarkan penggunaan logo halal di Malaysia dan sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkan sijil pengesahan halal atau menggunakan logo halal selain daripada yang dibenarkan, perkara tersebut merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah APD 2011.

5. Nama/produk yang diluluskan
- a. ADW Marketing Sdn.Bhd.
 - b. MWA Enterprise
 - c. FB Fozen Enterprise
 - d. Waja Best
 - e. Mestika Hati (M) Sdn Bhd
- } K. Terengganu
- Marang
6. Nama Premis makanan yang diluluskan
- a. Demong Beach Resort
 - b. Ulek Beach Resort
 - c. Residence Resort
 - d. RI-Yaz Heritage Marina Resort & SPA
 - e. Hotel Tanjung Vista
 - f. Hotel Primula
 - g. Alam Laguna Management Sdn. Bhd.
 - h. Gem Beach Resort
 - i. Hotel Seri Malaysia
- Besut
- } Dungun
- } Kuala Terengganu

SOALAN 2 : Nyatakan berapa kali kejadian loji meletup di Petronas, apakah punca dan akibat kejadian itu dan apakah langkah-langkah mengatasinya.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapa ramaikah pelajar dan kakitangan Universiti Teknologi Mara Dungun yang hadir dalam program Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak di Arena Square Dungun pada 14 Julai 2012.

JAWAPAN : **TIADA**

SOALAN 4 : Sila nyatakan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Terengganu membiayai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke Negeri Terengganu pada 14 Julai 2012.

JAWAPAN : **TIADA**

SOALAN 5 : Benarkah kerajaan mahu membina Velodrome di daerah Dungun? Sila nyatakan kawasan tanah yang terlibat dan kos pembangunan Velodrome itu.

JAWAPAN : Benar, kerajaan akan membina Velodrome di daerah Dungun. Kawasan tanah yang terlibat adalah di atas PT 14878 Mukim Sura dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM3,388.200.00 (termasuk kos kerja-kerja tanah).

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Sila nyatakan status projek-projek berikut :-

- a) Ternakan kambing Lembah Kaprima di seluruh negeri Terengganu
- b) Kilang makanan kambing
- c) Makmal veterina untuk ternakan kambing
- d) Tution Kambing
- e) Pasar Kambing

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c),26 (2)(h) dan 26 (4), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sejauh manakah kejayaan projek pembiakan dan pelepasan anak ikan di Tasik Kenyir dapat meningkatkan populasi ikan di tasik tersebut ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 OGOS 2012

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYUNG

SOALAN 1 : Berapakah kos pengambilan tanah untuk pembinaan Sekolah Menengah Alor Limbat dan bilakah sekolah tersebut akan beroperasi?

JAWAPAN : Kos pengambilan tanah untuk pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Limbat, Marang, Terengganu adalah RM1,608,177.00. Pengoperasian sekolah tidak dapat ditentukan kerana tapak sekolah ini telah berlaku mendapan tanah. Unit Forensik JKR sedang membuat kajian terperinci bagi menangani masalah tersebut.

SOALAN 2 : Sila nyatakan kes pertuduhan pecah amanah yang melibatkan kakitangan Government Lead Company bermula 2004 hingga 2012.

JAWAPAN : Tiada.

SOALAN 3 : Sila senaraikan jumlah Amil Zakat yang ditamatkan perkhidmatannya dan sebab-sebabnya mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26 (4A)(a)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah penerima pinjaman Yayasan Terengganu yang ditamatkan pinjamannya sebelum tarikh sebenar pinjaman dan sebab-sebabnya.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26 (4A)(a)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Nyatakan jumlah warga asing yang telah memiliki kewarganegaraan dan mendaftar sebagai pemilih di Suruhanjaya Pilihanraya yang menduduki Terengganu mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26 (6)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.